

Penyata Kewangan

(Dinyatakan Dalam Ringgit Malaysia)

- 
- 90 Laporan Pengarah
 - 107 Laporan Juruaudit
 - 108 Kunci Kira-Kira
 - 109 Penyata Pendapatan
 - 110 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
 - 113 Penyata Aliran Wang Tunai
 - 116 Nota-Nota Penyata Kewangan
 - 221 Kenyataan Oleh Para Pengarah
 - 221 Pengakuan Berkanun

Laporan Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan pengarah serta penyata kewangan **AMMB HOLDINGS BERHAD** yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 yang disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi Kewangan, 1989, Akta Insurans, 1996 dan piawaian-piawaian perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia.

Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegang pelaburan.

Syarikat-syarikat subsidiari, seperti yang disenaraikan dalam Nota 13 Penyata Kewangan, menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan saudagar, perbankan komersil, pembiayaan runcit dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk Perniagaan Perbankan Islam, penanggungungan insurans nyawa dan am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, amanah harta tanah dan amanah saham.

Dalam tahun kewangan, tiada perubahan penting berlaku dalam jenis kegiatan Kumpulan dan Syarikat.

Peristiwa-Peristiwa Penting

1. Pada 30 April 2003, AmFinance Berhad (AmFinance) (dahulunya dikenali sebagai MBF Finance Berhad) telah menerbitkan RM200 juta amaun nominal Bon Bersubordinat Berfaedah Boleh Runding Boleh Tebus dan Tidak Bercagar (Bon Bersubordinat) bagi menambah dana modal. Bon bersubordinat diterbitkan untuk tempoh sepuluh (10) tahun, dibayar balik pada 30 April 2013 dan menanggung faedah yang berbeza daripada 7.95% kepada 10.45% setahun, dibayar setiap setengah tahun.
2. Pada 2 April 2003, AmMerchant Bank Berhad (AmMerchant Bank) telah menyertai perjanjian jual beli bersyarat dengan Symphony House Berhad (Symphony House) untuk menjual keseluruhan 25.5% kepentingan ekuitinya berjumlah 637,500 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu di dalam Malaysian Issuing House Sdn Bhd (MIH) kepada Symphony House secara tunai dengan harga RM624,272.

Ganjaran pembelian tersebut telah dipersetujui atas dasar kesanggupan pembeli dan penjual, berasaskan pro-forma aset ketara bersih MIH yang telah diselaraskan sebelum diaudit pada 31 Disember 2002.

Penjualan selesai pada 30 Julai 2003. Ganjaran tunai muktamad berkaitan penjualan telah dipinda daripada RM624,272 kepada RM637,500 berasaskan pro-forma aset ketara bersih MIH selepas diaudit pada 30 Jun 2003 sebanyak RM2,500,000 (selepas pelarasan dividen akhir dibayar kepada semua para pemegang saham MIH termasuk AmMerchant Bank, untuk tahun berakhir 30 Jun 2003).

3. Pada 10 April 2003, Frasers International Pte Ltd (FIPL) menyudahkan usaha pengurangan modal di mana semua saham-saham keutamaan kumulatif boleh tebus dan boleh ubah dan saham-saham keutamaan kumulatif tidak boleh tebus dan boleh ubah telah diubah kepada saham-saham biasa dalam FIPL. Usaha ini menghasilkan pengurangan modal sebanyak 9.8 juta saham-saham biasa dan bayaran balik berjumlah S\$9.8 juta kepada para pemegang saham mengikut perkadaran kepentingan ekuiti masing-masing dalam FIPL, di mana pembayaran balik modal kepada AmMerchant Bank berjumlah S\$4,844,032.
4. Pada 10 Mei 2003, Syarikat telah menerima kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memulakan rundingan dengan EON Capital Berhad bagi kemungkinan penggabungan di antara dua kumpulan perbankan tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak bersetuju untuk menamatkan rundingan pada 25 Jun 2003.
5. Pada 10 Jun 2003, Syarikat telah membeli 2 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu mewakili keseluruhan modal saham terbitan AmNotes Series-A Sdn Bhd (AmNotes), sebuah syarikat tidak bergiat dengan ganjaran tunai berjumlah RM2.00, menjadikan AmNotes syarikat subsidiari milik penuh Syarikat.

AmNotes diperbadankan pada 2 Ogos 1997 dan mempunyai modal saham dibenarkan sebanyak RM10 juta terbahagi kepada 10 juta saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan modal saham terbitan dan berbayar berjumlah RM2.00.

Tujuan aktiviti utama AmNotes adalah menyediakan khidmat pengurusan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank.

Pada 24 Jun 2003, AmNotes telah menukar namanya kepada AmManagement Services Sdn Bhd.

Laporan Pengarah (Sambungan)

6. Arab-Malaysian Credit Berhad (AMCB) menambah modal diterbitkan dan dibayar penuh dari RM165,000,000 kepada RM215,000,000 menerusi terbitan hak berjumlah 50,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada par dengan bayaran tunai bertujuan menambah keperluan modal kerja.
7. Pada 9 Julai 2003, Syarikat telah mendapat kelulusan BNM bagi memulakan rundingan dengan Commerce Asset-Holding Berhad untuk kemungkinan penggabungan di antara AmBank Berhad (AmBank) dengan Bumiputra-Commerce Bank Berhad dan AmFinance Berhad dengan Bumiputra-Commerce Finance Berhad. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak bersetuju untuk menamatkan rundingan pada 5 September 2003.
8. Berdasarkan Perjanjian Jual Beli diantara AMFB Holdings Berhad (AMFB) dan Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) bertarikh 3 Ogos 2001 untuk pemerolehan AmFinance, sejumlah amaun luar jangka sehingga RM450.0 juta perlu dibayar kepada Danamodal sebagai sebahagian daripada jumlah ganjaran. Bayaran tunai luar jangka sehingga RM450.0 juta tersebut perlu dibayar jika dan hanya jika AmFinance mendapat kembali secara tunai dalam tempoh lima tahun daripada 30 September 2001, sebarang amaun yang lebih daripada nilai buku bersih pinjaman tidak bergerak (NPL), penjualan NPL kepada Danaharta dan NPL dihapus kira dalam buku AmFinance pada 30 September 2001 atas dasar akaun ke akaun, dan semua pelaburan, sekuriti, hutang-hutang bersandar, lain-lain aset, tanggungan dan butiran tanggungan yang berkaitan dengan amaun yang dihapus kira atau peruntukan/pelarasan yang dibuat.

Pada 14 Oktober 2003, AMFB menyertai Perjanjian Penyelesaian dengan Danamodal bagi penjelasan awal Amaun Luar Jangka berjumlah RM255.0 juta (Amaun Penjelasan). Amaun Penjelasan tersebut termasuk jumlah faedah bernilai RM16.915 juta berkaitan dengan pemulihan NPL dan sekuriti telah dibayar kepada Danamodal pada 15 Oktober 2003.

Dengan itu, jumlah akhir ganjaran pembelian untuk pemerolehan AmFinance adalah RM730 juta.

9. Pada 28 Oktober 2003, Syarikat menyertai Perjanjian Kemudahan Tambahan dengan Danamodal di mana sebanyak RM680 juta Pinjaman Berjangka Bersubordinat yang diperolehi dari Danamodal telah diserahkan haknya kepada Astute Assets Berhad.

Syarat dan terma pinjaman adalah sama, kecuali faedah yang dikenakan ke atas pinjaman, iaitu pada kadar 6.5% setahun sehingga 19 Disember 2006, 7.0% setahun daripada 20 Disember 2006 sehingga 19 Disember 2007, dan 7.5% setahun daripada 20 Disember 2007 sehingga 19 Disember 2011.

10. Pada 29 Disember 2003, AmAssurance Berhad (AmAssurance) telah memasuki empat (4) perjanjian-perjanjian jual beli yang berasingan dengan Melawangi Sdn. Bhd. (MSB), syarikat subsidiari milik penuh Arab-Malaysian Corporation Berhad (AMCORP) bagi pemerolehan empat (4) unit ruang pejabat (Ruang Pejabat) bertempat di Pusat Perniagaan AMCORP dengan jumlah ganjaran tunai bernilai RM7,239,210 (Pemerolehan).

Ruang Pejabat tersebut mempunyai pegangan pajakan berjangka selama 99 tahun yang akan berakhir pada 11 September 2088. Ruang Pejabat tersebut kini disewa. Apabila selesai proses Pemerolehan, MSB akan menyerahkan semua haknya dibawah perjanjian sewaan dengan penyewa sedia ada kepada AmAssurance.

Pemerolehan tersebut akan memberi peluang kepada AmAssurance untuk menerima pulangan yang lebih baik daripada pelaburannya jika dibandingkan dengan kadar deposit tetap yang rendah dan mengambil kesempatan ke atas potensi kenaikan harta tanah dalam jangka sederhana dan panjang.

11. AmBank menambah modal diterbitkan dan dibayar penuh dari RM505,468,750 kepada RM708,593,750 menerusi terbitan hak berjumlah 203,125,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada par dengan bayaran wang tunai bertujuan bagi menambah lagi modal kerja.



Laporan Pengarah (Sambungan)

12. Syarikat telah mencadangkan dan melaksanakan yang berikut:

- (a) Pertambahan modal saham yang dibenarkan di dalam Syarikat daripada RM2,000,000,000 mengandungi 2,000,000,000 saham bernilai RM1.00 setiap satu kepada RM5,000,000,000 dengan mewujudkan 3,000,000,000 saham baru bernilai RM1.00 setiap satu.
- (b) Terbitan bonus sehingga 505,761,819 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu di dalam Syarikat atas kadar satu (1) saham biasa baru untuk setiap dua (2) saham sedia ada yang dipegang di dalam Syarikat (Cadangan Terbitan Bonus) melalui pemodalan sehingga RM505,761,819 daripada akaun premium saham Syarikat
- (c) Terbitan hak dengan pelepasan sehingga 303,457,091 saham biasa baru di dalam Syarikat pada harga terbitan bernilai RM1.10 sesaham pada kadar satu (1) saham biasa baru untuk setiap lima (5) saham biasa yang sedia ada dipegang di dalam Syarikat selepas Terbitan Bonus (Terbitan Hak). Hasil terbitan hak tersebut telah digunakan oleh Syarikat untuk melanggan terbitan hak tiada pelepasan berjumlah RM325 juta oleh AmBank, dan juga untuk membiayai keperluan modal kerja Kumpulan.
- (d) Pelarasan harga pelaksanaan Waran 1997/2007 daripada RM10.73 sesaham kepada RM6.51 sesaham dan pertambahan sebanyak 56,521,708 Waran 1997/2007 timbul daripada pelarasan Terbitan Bonus dan Hak.
- (e) Pelarasan kepada harga pelaksanaan Waran 2003/2008 daripada RM3.60 sesaham kepada RM2.19 sesaham dan pertambahan 79,557,942 Waran 2003/2008 timbul daripada pelarasan Terbitan Bonus dan Hak.
- (f) Kenaikan 136,079,650 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang akan diterbitkan, apabila pelaksanaan 56,521,708 tambahan Waran 1997/2007 dan 79,557,942 tambahan Waran 2003/2008 seperti (d) dan (e) di atas.

13. Pada 25 Februari 2004, syarikat subsidiari AMFB, AmFinance telah memasuki perjanjian jual beli bersyarat dengan MBF Corporation bagi menjual 100% kepentingan ekuiti AmFinance merangkumi 1,000,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam MBF Property Trust Management Berhad (MBFPT) dengan ganjaran tunai sebanyak RM1.00.

Ganjaran pembelian tersebut telah dipersetujui atas dasar kesanggupan pembeli dan penjual selepas mengambil kira kedudukan kewangan semasa MBFPT. Proses penjualan tersebut sedang menunggu kelulusan pihak-pihak yang berkenaan.

14. Apabila permohonan dibuat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM), syarikat-syarikat subsidiari AmFinance berikut, iaitu sebuah syarikat subsidiari milik penuh AMFB, telah digugurkan daripada Daftar CCM dan dibubarkan berdasarkan kepada kuasa yang dianugerahkan di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat, 1965:-

- (i) Horizon View Sdn Bhd (HVSB) – Nombor Syarikat: 227779-D
- (ii) MBF Venture Partners Berhad (MBFVP) – Nombor Syarikat: 279706-A

Kedua-dua HVSB dan MBFVP tidak beroperasi semenjak ditubuhkan masing-masing pada 28 Oktober 1991 dan 26 Oktober 1993.

Modal berbayar HVSB dan MBFVP sekarang ini masing-masing berjumlah RM2 dibahagi kepada 2 saham-saham biasa bernilai RM1 setiap satu, dan RM1 dibahagi kepada 2 saham-saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu.

Penguguran syarikat-syarikat subsidiari tersebut tidak akan memberi kesan ke atas pendapatan dan aset ketara bersih Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

Laporan Pengarah (Sambungan)

15. Pada 27 Februari 2004 dan 31 Mei 2004, Syarikat telah mengumumkan cadangan-cadangan berikut:

- (i) Cadangan Penswastaan AMFB melibatkan skim penyusunan di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat, 1965 antara AMFB, Syarikat dan para pemegang saham AMFB selain daripada Syarikat (Para Pemegang Saham Minoriti AMFB) di mana AHB akan membeli semua Saham Minoriti AMFB berjumlah sehingga 189,113,911 saham dalam AMFB mewakili sehingga 35.75% kepentingan ekuiti dalam AMFB, dengan ganjaran berjumlah sehingga RM1,361,620,159 juta bersamaan dengan RM7.20 Sesaham Minoriti AMFB (Cadangan Harga Ganjaran), yang akan dibayar melalui kombinasi terbitan saham dalam Syarikat dan tunai atas dasar berikut:
 - (a) sejumlah RM771,584,757 dengan menerbitkan sehingga 189,113,911 Saham-Saham Syarikat Baru atas kadar satu (1) Saham Syarikat Baru bernilai RM4.08 sesaham Syarikat Baru untuk setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB sedia ada; dan
 - (b) baki berjumlah RM590,035,402 secara tunai atas kadar RM3.12 untuk setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB yang dipegang.

Tarikh kelayakan bagi nama-nama Para Pemegang Saham Minoriti AMFB yang mesti disenaraikan di dalam Rekod Pelabur AMFB untuk mengambil bahagian dalam Cadangan Penswastaan AMFB akan ditentukan dan diumumkan pada tarikh yang akan ditentukan selepas semua kelulusan berkaitan dengan Cadangan Penswastaan AMFB, termasuk persetujuan mahkamah bagi Cadangan Penswastaan AMFB (Tarikh Kelayakan).

Jumlah saham Syarikat Baru yang akan diterbitkan bergantung kepada jumlah sebenar Saham Minoriti AMFB yang akan dibeli pada Tarikh Kelayakan, mengambil kira saham baru AMFB yang mungkin diterbitkan oleh AMFB melalui pelaksanaan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja AMFB (Opsyen ESOS AMFB) sebelum Tarikh Kelayakan. Pada 31 Mac 2004, jumlah Opsyen ESOS AMFB yang belum dilaksanakan adalah 345,000.

Setelah skim penyusunan menjadi efektif, semua Pemegang Saham Minoriti AMFB adalah disyaratkan menukar saham AMFB pada dasar satu (1) Saham Syarikat Baru dan RM3.12 tunai bagi setiap satu (1) Saham Minoriti AMFB sedia ada yang dipegang pada Tarikh Kelayakan.

Melalui Cadangan Penswastaan AMFB, AMFB akan menjadi syarikat subsidiari milik penuh Syarikat. Disebabkan AMFB tidak lagi memenuhi syarat penyebaran pegangan saham awam Bursa Malaysia, Bursa Malaysia boleh menarik balik penyenaraian saham AMFB daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 16.09 Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia. Adalah menjadi tujuan Syarikat untuk memohon kelulusan Bursa Malaysia supaya status penyenaraian AMFB tidak dikuatkuasakan.

- (ii) Cadangan penyenaraian Kumpulan Perbankan Pelaburan Syarikat, melalui syarikat yang baru diperbadankan (Newco), dalam Papan Utama Bursa Malaysia.

Cadangan Penyenaraian Newco melibatkan yang berikut:-

- (a) memperbadankan Newco yang akan bertindak sebagai badan penyenaraian/syarikat pemegangan, yang pada mulanya akan menjadi syarikat subsidiari milik penuh Syarikat;
- (b) penyusunan semula dalaman melibatkan pindahan kesemua kepentingan Syarikat dalam komponen syarikat-syarikatnya yang terlibat dalam operasi perbankan pelaburan kepada Newco (Cadangan Penyusunan Semula Dalaman)
- (c) tawaran untuk jualan/terbitan terhad berjumlah 40% daripada modal saham Newco diterbitkan dan dibenarkan yang telah diperbesarkan (Cadangan Tawaran) yang akan dijalankan setelah Cadangan Penyusunan Semula Dalaman siap kepada yang berikut:
 - (i) Para pemegang Saham AHB (Para Pemegang Saham AHB yang Layak); dan
 - (ii) Mereka yang berikut yang memenuhi kriteria kelayakan untuk meyertai dalam Cadangan Tawaran (Para Pekerja yang Layak):-
 - (a) Para pengarah dan pekerja Newco dan/atau syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutunya yang diperbadankan di Malaysia;
 - (b) Pengarah AHB; dan
 - (c) Rakan niaga AHB; dan
- (d) penyenaraian keseluruhan cadangan modal saham Newco yang diterbitkan dan dibayar penuh dalam Papan Utama Bursa Malaysia.



Laporan Pengarah (Sambungan)

- (iii) Cadangan Pemisahan Saham melibatkan pengurangan nilai par Saham Syarikat daripada RM1.00 setiap satu kepada RM0.50 setiap satu dengan cara membahagikan setiap satu (1) saham sedia ada yang dipegang dalam Syarikat kepada dua (2) saham-saham biasa baru dalam Syarikat bernilai RM0.50 setiap satu. Para pemegang saham Syarikat, yang nama mereka terdapat dalam Rekod Pelabur selepas waktu urus niaga pada tarikh yang akan ditentukan dan diumumkan kemudian selepas mendapat semua kelulusan yang berkenaan, akan layak menerima Cadangan Pemisahan Saham. Cadangan Pemisahan Saham dijangka akan dilaksanakan setelah Cadangan Penswastan AMFB selesai.

Pada 25 Mac 2004 Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah meluluskan permohonan Syarikat untuk pengecualian daripada mematuhi Perenggan 5 Petunjuk Nota 8A Garis Panduan SC tertakluk kepada syarat di mana Syarikat dikehendaki melaksanakan cadangan pembahagian saham dalam tempoh tiga (3) bulan setelah cadangan penswastan AMFB selesai.

Cadangan Pemisahan Saham yang akan diterbitkan, apabila diperuntukkan dan diterbitkan, bertaraf *pari passu* dari segala aspek di kalangan saham-saham tersebut.

Cadangan Pemisahan Saham akan menyebabkan penurunan harga pasaran saham-saham Syarikat yang sedia ada, menjadikan saham Syarikat lebih murah kepada para pemegang saham dan pelabur. Cadangan Pemisahan Saham juga akan meningkatkan kecairan dan peluang pemasaran saham Syarikat disebabkan peningkatan dalam bilangan saham-saham Syarikat.

Cadangan Penswastan AMFB, Penyenaraian Newco dan Pemisahan Saham adalah tertakluk kepada kelulusan SC, Menteri Kewangan, Bank Negara Malaysia, Mahkamah Tinggi Malaya, para pemegang saham Syarikat dan AMFB dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Cadangan Penswastan dan Penyenaraian Newco adalah bersyarat di antara satu sama lain. Cadangan Pemisahan Saham adalah tidak bersyarat ke atas Cadangan Penswastan AMFB dan Cadangan Penyenaraian Kumpulan Newco.

16. Pada 27 Februari 2004, AmBank, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Syarikat, telah memasuki perjanjian bersyarat dengan Modular Corp Sdn Bhd (Modular) di mana Modular akan:

- (i) Menyediakan 262,500 kad penggantian EMV dengan ganjaran tunai sebanyak RM2,992,000; dan
- (ii) Menyediakan cip EMV bagi tanda nama kad dan menunaikan servis dengan ganjaran tunai berjumlah RM656,000.

Perjanjian ini dijangka siap dalam tempoh satu tahun. Perjanjian ini telah disertai dalam keadaan perniagaan biasa, mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui dan menjadi lumrah perniagaan dalam pasaran.

17. Pada 3 Mac 2004, AmAssurance telah memasuki:

- a) Perjanjian Jual Beli dengan AMCB untuk memperolehi blok podium bangunan pegangan bebas dikenali sebagai Menara Liang Court yang bertempat di 37, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Penang, dengan ganjaran tunai berjumlah RM7,800,000;
- b) Perjanjian Jual Beli dengan Taifab Properties Sdn Bhd (TFSB), sebuah syarikat subsidiari milik penuh AMDB Berhad (AMDB), untuk memperolehi tiga (3) unit premis pejabat pegangan bebas bertempat di Pusat Perniagaan Arab-Malaysian (AMBC), Jalan Pasar, 70000 Seremban, dengan ganjaran tunai sebanyak RM1,997,707; dan
- c) Perjanjian Jual Beli dengan Medan Sdn Bhd (MDSB), sebuah syarikat subsidiari milik penuh AMDB, bagi memperolehi tujuh (7) unit premis pejabat pegangan bebas bertempat di AMBC Jalan Pasar, 70000 Seremban, dengan ganjaran tunai sebanyak RM2,477,293.

Ruang pejabat tersebut kini disewa. Selepas proses pemerolehan selesai, AMCB, TPSB dan MDSB akan menyerahkan kesemua hak mereka di bawah perjanjian penyewaan dengan penyewa sekarang kepada AmAssurance.

Pemerolehan tersebut akan memberi peluang kepada AmAssurance untuk menerima pulangan yang lebih baik daripada pelaburannya jika dibandingkan dengan kadar deposit tetap yang rendah dan mengambil kesempatan ke atas potensi kenaikan harta tanah dalam jangka sederhana dan panjang.

Laporan Pengarah *(Sambungan)*

18. Pada 5 April 2004, AmSecurities Holding Sdn Bhd (AMSH), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Syarikat telah memasuki perjanjian jual beli bersyarat dengan Ismail bin Abdullah bagi AMSH memperoleh 2,500,004 baki-baki saham AmSecurities Sdn Bhd (AMS), mewakili 2.5% modal saham diterbitkan dan dibayar penuh AMS sedia ada, dengan ganjaran pembelian sebanyak RM9,396,604 yang semuanya akan dijelaskan dengan tunai.
19. Syarikat telah memohon kelulusan dari BNM untuk memulakan rundingan, mengikut Seksyen 67 Akta Insurans 1996, berkaitan dengan cadangan pemerolehan berikut (Cadangan Pemerolehan):-
 - (a) dengan AmMerchant Bank, subsidiari milik penuh Syarikat, berkaitan dengan Cadangan Pemerolehan oleh Syarikat sebanyak 47,116,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam AmAssurance yang mewakili 47.12% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance daripada AmMerchant Bank. Syarikat kini mempunyai 18.82% pegangan saham dalam AmAssurance.
 - (b) dengan ABH Holdings Sdn Bhd (ABH Holdings) berkaitan dengan Cadangan Pemerolehan oleh AmBank Berhad, subsidiari milik penuh Syarikat, bagi 20,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dalam AmAssurance mewakili 20.0% kepentingan ekuiti dalam AmAssurance.

Keputusan Kewangan

Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan pencukaian	356,987	63,747
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	1,437	-
Keuntungan sebelum pencukaian	358,424	63,747
Pencukaian	39,841	(21,000)
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	398,265	42,747
Keputusan para pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	(174,544)	-
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat	223,721	42,747
Pindahan ke rizab berkanun	(268,688)	-
Keuntungan tidak diagih pada awal tahun seperti dinyatakan semula	757,677	237,831
	712,710	280,578
Dividen	(36,062)	(36,062)
Keuntungan tidak diagih pada akhir tahun	676,648	244,516

Rancangan Perniagaan Dan Strategi

Dengan pengukuhan perbankan pelaburan Kumpulan dan tumpuan terhadap aktiviti urus niaga dan aktiviti berasaskan bayaran khidmat seperti pasaran modal dan hutang, pembiayaan korporat, perbendaharaan dan aktiviti derivatif akan mendorong keuntungan Kumpulan di masa akan datang. Kumpulan juga akan memberi tumpuan kepada pengukuhan aktiviti pinjaman runcit, terutamanya pembiayaan industri kecil dan sederhana, pembiayaan kenderaan penumpang dan harta kediaman. Kumpulan juga telah memperkenalkan sistem yang efektif untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan semua jenis risiko kewangan dan perbankan, termasuk risiko operasi.

Laporan Pengarah *(Sambungan)*

Tinjauan Bagi Tahun Kewangan Hadapan

Ekonomi Malaysia dijangka akan lebih kukuh dalam tahun 2004, dengan pertumbuhan Keluaran Domestik Kasar sebanyak 6.0% - 6.5% daripada 5.2% dalam tahun 2003. Harapan positif untuk tahun 2004 dijangka didorong oleh pertumbuhan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, agregat permintaan domestik yang tinggi dan diperkukuhkan oleh prospek ekonomi global yang cerah.

Polisi kewangan dijangka kekal membantu di atas kestabilan harga dan ketiadaan tekanan inflasi. Walaupun begitu, dengan persekitaran yang stabil, Bank Negara Malaysia (BNM) mencadangkan peralihan yang tepat pada waktunya kepada rangka kerja kadar faedah yang baru bagi mengekalkan kestabilan kewangan demi mengekalkan pertumbuhan jangka panjang. Sementara itu, polisi kewangan dan pertukaran BNM kekal tidak berubah.

Asas ekonomi Malaysia yang kukuh akan membolehkan Kerajaan meneruskan polisi kelenturan bagi meningkatkan pertumbuhan sumber domestik.

Sektor perbankan dijangka akan kekal bersaing dalam tahun 2004 dengan margin faedah bersih akan terus berada dalam keadaan tertekan disebabkan oleh persaingan dan kecairan yang berlebihan di dalam sistem perbankan.

Kumpulan akan terus mengurus kualiti aset secara proaktif dan mengambil langkah bijak dan konservatif dalam membuat peruntukan bagi operasi perbankan. Sejalan dengan program rasionalisasi perniagaan Kumpulan, langkah-langkah penyusunan semula operasi perniagaan telah dan sedang diatur mengikut beberapa segmen pelanggan, terutamanya ke atas pembiayaan pengguna runcit dan pinjaman kepada perniagaan kecil dan sederhana. Kumpulan akan terus memberi tumpuan terhadap aktiviti-aktiviti urus niaga dan aktiviti berasaskan bayaran khidmat, seperti pasaran modal hutang, pembiayaan korporat, perbendaharaan, pengurusan modal dan pembrokeran saham.

Walaupun dengan persaingan dan jurang keuntungan faedah semakin sempit, Kumpulan yakin ia berada pada kedudukan yang baik untuk menikmati manfaat daripada persekitaran ekonomi yang bertambah baik untuk terus meningkatkan prestasi.

Butiran Bersifat Luar Biasa

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa yang mungkin, pada pendapat para pengarah, menjejaskan sebahagian besar keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi dua belas bulan yang berikutnya.

Dividen

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 5.0%, ditolak cukai 28.0%, bagi tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM36,061,884 yang mana jumlah tersebut telah diambil kira dalam laporan pengarah bagi tahun kewangan tersebut dan telah dibayar pada 15 Oktober 2003 kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Daftar Para Ahli dan Rekod Para Pelabur pada 30 September 2003.

Bagi tahun kewangan semasa, para pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 4.0%, ditolak cukai 28.0%, berjumlah RM53,533,615 berdasarkan peningkatan dalam modal saham diterbitkan dan dibayar penuh selepas Terbitan Bonus pada 31 Mac 2004, yang akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya berdaftar di dalam Daftar Para Ahli dan Rekod Para Pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh para pengarah. Penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa tidak menunjukkan cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira di dalam dana pemegang saham sebagai agihan dari keuntungan tidak diagih di dalam tahun kewangan yang berikut berakhir 31 Mac 2005.

Laporan Pengarah (Sambungan)

Rizab Dan Peruntukan

Berikut adalah pindahan-pindahan penting ke atau (daripada) rizab dan peruntukan yang dibuat dalam tahun kewangan:

	Nota kepada Penyata Kewangan	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
(a) Rizab Modal			
Reklasifikasi kepada premium saham		(15,487)	(15,487)
(b) Premium Saham			
Reklasifikasi daripada rizab modal		15,487	15,487
Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham dalam Syarikat	30	67,600	67,600
Timbul daripada pelaksanaan Waran 2003/2008	30	7,107	7,107
Timbul daripada pemodalanan untuk Terbitan Bonus	30	(505,762)	(505,762)
Timbul daripada Terbitan Hak dalam Syarikat	30	30,346	30,346
(c) Rizab Berkanun			
Pindahan daripada penyata pendapatan		268,688	-
(d) Rizab Perubahan Pertukaran Mata Wang			
Timbul daripada terjemahan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu yang dinyatakan dalam mata wang asing	30	(223)	-
(e) Peruntukan/(Masuk kira semula peruntukan):			
Faedah tertanggung – bersih	31	352,086	-
Pendapatan tertanggung – bersih	55 (f)	52,398	-
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan:			
Peruntukan am	33	9,875	-
Peruntukan tertentu – bersih	33	1,066,485	-
Peruntukan pengurangan nilai pada amaun boleh didapati kembali daripada Danaharta	33	80,634	-
Peruntukan am penglibatan dan tanggungan luar jangka	35	37,000	-
Pertambahan dana insurans nyawa	37	172,825	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan		47,870	-
Masuk kira semula peruntukan penyusutan nilai pelaburan – bersih		(20,566)	-
Masuk kira semula peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima – bersih		(16,343)	-

Hutang Lapuk Dan Ragu Dan Pembiayaan

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan membuat peruntukan hutang ragu dan pembiayaan dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang dikenal pasti telah dihapuskan dan peruntukan yang secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk dan pembiayaan dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dan pembiayaan bagi Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

Laporan Pengarah *(Sambungan)*

Aset Semasa

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin diperolehi dalam urus niaga biasa, nilai mereka seperti ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dirosotkan kepada nilai anggaran boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menampilkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Kaedah Penilaian

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menampilkan pematuhan kaedah penilaian aset atau tanggungan yang wujud di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan atau tidak sesuai.

Tanggungan Luar Jangka Dan Lain-Lain Tanggungan

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka bagi Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan, melainkan yang ditanggung melalui operasi urus niaga biasa.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang boleh atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh akhir tahun kewangan yang mana, pada pendapat para pengarah akan atau mungkin memberi kesan yang besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajibannya apabila tiba masanya.

Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambilkira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan sebarang amaun dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Terbitan Saham Dan Debentur

Dalam tahun kewangan, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan dibayar penuh telah meningkat daripada 1,001,718,987 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu kepada 1,858,806,070 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan penerbitan:

- (i) 45,127,838 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga antara RM2.16 hingga RM4.73 sesaham sebelum Terbitan Bonus dan Hak dan RM1.57 hingga RM2.94 sesaham selepas Terbitan Bonus dan Hak menerusi pelaksanaan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat (Skim ESOS). Premium saham yang terhasil berjumlah RM67,600,556 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (ii) 2,740,335 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga RM3.60 sesaham sebelum Terbitan Bonus dan Hak dan RM2.19 sesaham selepas Terbitan Bonus dan Hak timbul dari pelaksanaan saham waran 2003/2008 Syarikat. Premium saham terhasil berjumlah RM7,106,987 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (iii) 505,761,819 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu timbul dari Terbitan Bonus.

Laporan Pengarah (Sambungan)

- (iv) Terbitan Hak sebanyak 303,457,091 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga RM1.10 sesaham pada kadar satu (1) saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu untuk setiap lima (5) saham biasa yang sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu dipegang di dalam Syarikat selepas Terbitan Bonus. Premium saham terhasil berjumlah RM30,345,709 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

Kesemua 857,087,083 saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dengan saham Syarikat yang sedia ada, kecuali saham biasa baru yang diterbitkan mengikut ESOS Syarikat, saham waran 2003/2008, Terbitan Bonus dan Hak di atas tidak layak untuk menerima dividen yang diisytiharkan bagi tahun kewangan 31 Mac 2003.

Syarikat tidak menerbitkan sebarang debentur baru sepanjang tahun kewangan.

Opsyen Saham

Di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat (Skim ESOS) di mana opsyen untuk melanggan 87,034,050 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu di dalam Syarikat telah disediakan untuk para pengarah dan para pekerja Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang berkelayakan, kecuali para pengarah eksekutif yang mewakili Kerajaan atau agensi-agensi dan institusi-institusi Kerajaan dan pekerja Kerajaan yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan awam di bawah Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan dan para pengarah eksekutif AMS yang layak menyertai skim saham syarikat mereka masing-masing.

Sepanjang tahun kewangan, jumlah opsyen saham yang dilanggan meningkat daripada 87,034,050 kepada 117,853,371 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu dalam Syarikat timbul daripada terbitan saham-saham biasa baru, Terbitan Bonus dan Hak, pelaksanaan opsyen saham dan saham waran 2003/2008.

Ciri-ciri utama Skim ESOS adalah seperti berikut:

- (a) Mereka yang berkelayakan adalah para pekerja tetap termasuk para pengarah eksekutif sepenuh masa Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang telah bekerja tidak kurang daripada tiga tahun.
- (b) Jumlah bilangan saham ditawarkan tidak boleh melebihi 10.0% daripada modal yang diterbitkan dan dibayar penuh Syarikat dalam jangka masa Skim tersebut wujud.
- (c) Tertakluk kepada perenggan (d) di bawah, tiada opsyen akan diberi kurang dari 1,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham.
- (d) Jika terdapat sebarang pengubahan dalam struktur modal Syarikat kecuali pengecualian tertentu, pelarasan akan dibuat terhadap harga langganan dan/atau bilangan saham bagi opsyen yang diberi tetapi belum dilaksanakan, supaya pemegang opsyen akan berhak menerima bahagian yang sama bagi saham Syarikat yang diterbit dan dibayar penuh sebelum pengubahan tersebut.
- (e) Harga opsyen bagi saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu adalah pada diskaun yang tidak melebihi sepuluh peratus (10.0%) daripada harga urus niaga pasaran terakhir pada masa opsyen itu diberi atau mengikut purata min sebut harga pasaran saham Syarikat seperti disenaraikan dalam Senarai Harian terbitan Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) bagi lima hari pasaran sebelum tarikh tawaran, atau pada nilai par bernilai RM1.00 setiap satu, yang mana lebih tinggi.
- (f) Tempoh opsyen ialah lima tahun kalendar dan akan matang pada 8 Oktober 2004.
- (g) Mereka yang diberi opsyen di bawah Skim ESOS tidak berhak menyertai sebarang skim opsyen saham syarikat lain dalam Kumpulan.



Laporan Pengarah (Sambungan)

Syarikat telah diberi pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia daripada syarat untuk melaporkan nama-nama mereka yang telah diberi opsyen kurang daripada 100,000 opsyen dan butir-butiran pegangan mereka dalam tahun kewangan. Pemegang opsyen yang masih ada adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan	
Lee Yew Kin	156,000	-	101,340	235,000	22,340
Pushparani A/P A. Moothathamby	184,000	-	119,527	-	303,527
Mohamed Azmi Mahmood	200,000	-	129,924	-	329,924
Mustafa Mohd Nor	244,000	-	132,521	230,200	146,321

Juruaudit luar telah mengesahkan pembahagian opsyen yang diberi dalam tahun kewangan.

Pergerakan bilangan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah opsyen dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu					Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan	Dilucutkan	
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah opsyen	46,971,000	65,000	25,498,901	45,127,838	943,530	26,463,533

Harga opsyen untuk bilangan saham Syarikat belum diterbitkan di bawah opsyen selepas Terbitan Hak dan Bonus adalah seperti berikut:

Harga Opsyen (RM)	Baki pada 31.3.2004
1.01 – 2.00	1,409,626
2.01 – 3.00	16,109,178
3.01 – 4.00	2,864,436
4.01 – 5.00	6,080,293
	26,463,533

Waran

Waran 1997/2007 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 19 Mac 1997.

Ciri-ciri utama Waran 1997/2007 adalah seperti berikut:-

- Setiap Waran 1997/2007 memberikan hak kepada pemegangnya yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- Harga pelaksanaan adalah RM6.15 sesaham, dilaraskan hasil Terbitan Bonus dan Hak seperti yang disebut dalam Nota 29, dan boleh dibayar keseluruhannya dengan wang tunai, atau sebahagian dengan wang tunai dan bakinya dengan penyerahan Bon 1997/2002 dalam sebarang kombinasi, atau keseluruhannya dengan penyerahan Bon 1997/2002 bagi setiap Waran 1997/2007 dipegang selepas setahun dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 1997/2007 adalah tertakluk kepada pelarasan dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- Tempoh Waran 1997/2007 pada mulanya adalah untuk jangka masa lima tahun kalender. Jangka masa ini telah dilanjutkan untuk lima tahun lagi dan akan matang pada 13 Mei 2007.

Laporan Pengarah (Sambungan)

RM435,061,855 amaun nominal Bon 1997/2002 Syarikat telah ditebus sepenuhnya pada 13 Mei 2002.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 1997/2007 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah waran	87,012,370	-	56,521,708	- 143,534,078

Waran 2003/2008 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 29 November 2002 dan 29 Januari 2003.

Ciri-ciri utama Waran 2003/2008 adalah seperti berikut:-

- Setiap Waran 2003/2008 memberikan hak kepada pemegangnya yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- Harga pelaksanaan adalah RM2.19 sesaham, dilaraskan hasil Terbitan Bonus dan Hak seperti yang disebut dalam Nota 29, dan dibayar penuh secara wang tunai bagi setiap Waran 2003/2008 dipegang dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 2003/2008 adalah tertakluk kepada pelarasan di dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- Tempoh Waran 2003/2008 adalah untuk jangka masa lima tahun kalendar dan akan matang pada 20 Mac 2008.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 2003/2008 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah waran	125,201,248	-	79,557,942	2,740,335 202,018,855

Selaras dengan terbitan Bonus dan Hak, harga dan jumlah pelaksanaan Waran 1997/2007 dan Waran 2003/2008 Syarikat telah diselaraskan seperti berikut:

- Pelarasan kepada harga pelaksanaan Waran 1997/2007 daripada RM10.73 sesaham kepada RM6.51 sesaham dan kenaikan tambahan 56,521,708 Waran 1997/2007 timbul daripada pelarasan Terbitan Bonus dan Hak.
- Pelarasan kepada harga pelaksanaan Waran 2003/2008 daripada RM3.60 sesaham kepada RM2.19 sesaham dan kenaikan tambahan 79,557,942 Waran 2003/2008 timbul daripada pelarasan Terbitan Bonus dan Hak.
- Kenaikan 136,079,650 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang akan diterbitkan, apabila pelaksanaan 56,521,708 tambahan Waran 1997/2007 dan 79,557,942 tambahan Waran 2003/2008 seperti (a) dan (b) di atas.



Laporan Pengarah (Sambungan)

Pengarah

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan lalu adalah:

Tan Sri Dato' Azman Hashim
Dato' Azlan Hashim
Tun Mohammed Hanif Omar (Pengarah Bebas)
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba (Pengarah Bebas)
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman (Pengarah Bebas: Dilantik pada 1 April 2004)
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (Pengarah Bebas: Dilantik pada 16 April 2004)
Dato' Izham Mahmud (Pengarah Bebas: Dilantik pada 16 Oktober 2003)
Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain (Pengarah Bebas: Dilantik pada 16 April 2004)
Cheah Tek Kuang
Soo Kim Wai
Shalina Azman (Dilantik pada 16 Oktober 2003)
Dato' Malek Merican (Pengarah Bebas: Meletak jawatan pada 6 Mei 2004)
Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim (Meletak jawatan pada 19 Disember 2003)

Mengikut Artikel 89 Tata Urusan Syarikat, Tan Sri Dato' Azman Hashim dan En. Cheah Tek Kuang meletak jawatan dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Mengikut Artikel 97 Tata Urusan Syarikat, Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman, Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, Dato' Izham Mahmud, Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain dan Puan Shalina Azman, yang telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah sejak Mesyuarat Agung Am yang lepas, bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Kepentingan Pengarah

Menurut Tata Urusan Syarikat, para pengarah tidak perlu memiliki saham di dalam Syarikat.

Kepentingan para pengarah dalam saham, debentur dan opsyen saham Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari pada akhir tahun kewangan seperti tercatat dalam Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134, Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

Kepentingan Langsung

Dalam Syarikat

Saham	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Hak dan Bonus	Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	1,188,422	-	594,211	1,782,633	-
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	125,381	-	100,690	-	226,071
Dato' Malek Merican	17,976	-	14,380	-	32,356
Cheah Tek Kuang	217,200	140,000	178,600	50,000	485,800

Laporan Pengarah (Sambungan)

Kepentingan Langsung

Dalam Syarikat

Waran 1997/2007	Bilangan Waran				
	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	12,000	-	7,795	-	19,795
Dato' Malek Merican	40,000	-	25,984	-	65,984

Waran 2003/2008	Bilangan Waran				
	Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	149,000	-	96,793	-	245,793
Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	16,000	-	-	16,000	-
Dato' Malek Merican	2,246	-	1,457	-	3,703
Cheah Tek Kuang	28,000	-	18,189	-	46,189

Opsyen Saham	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				
	Baki pada 1.4.2003	Granted	Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Cheah Tek Kuang	140,000	-	-	140,000	-

Dalam syarikat subsidiari, AMFB Holdings Berhad

Saham	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2003/ Tarikh Perlantikan	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim				
Dipegang secara langsung	211,505	-	-	211,505
Dipegang menerusi nomini	522,985	-	-	522,985
Dato' Azlan Hashim	95,952	-	-	95,952
Dato' Izham Mahmud	4,670	-	-	4,670
Cheah Tek Kuang	38,000	-	-	38,000

Dalam syarikat subsidiari, AmMerchant Bank Berhad

Bon Boleh Tebus dan Tidak Bercagar Bersubordinat	Nilai nominal RM1.00 setiap satu			
	Tarikh Perlantikan	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Dato' Izham Mahmud	250,000	-	-	250,000

Laporan Pengarah (Sambungan)

Kepentingan Tidak Langsung Dalam Syarikat

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Hak dan Bonus	Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	343,884,550	-	275,107,640	13,165,365	605,826,825
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	110,000	-	88,000	-	198,000
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	9,408,876	-	6,918,343	10,613,314	5,713,905
	Slan Sdn Bhd	398,316	-	199,158	597,474	-
	Ginagini Sdn Bhd	17,330,749	-	7,525,374	12,671,314	12,184,809
	Regal Genius Sdn Bhd	-	14,500,000	11,600,000	4,350,000	21,750,000
Dato' Malek Merican	Kumpulan Kseena Sdn Bhd	31,654	-	25,323	-	56,977

Waran 1997/2007	Nama Syarikat	Bilangan Waran				
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan/ Jualan	Baki pada 31.3.2004
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	16,231,498	-	-	16,231,498	-
Dato' Malek Merican	Kumpulan Kseena Sdn Bhd	425,996	-	276,735	-	702,731

Laporan Pengarah (Sambungan)

Kepentingan Tidak Langsung

Dalam Syarikat

Waran 2003/2008	Nama Syarikat	Bilangan Waran				Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan/ Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	Arab-Malaysian Corporation Berhad	45,594,942	-	29,619,386	-	75,214,328
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	13,750	-	8,932	-	22,682
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	2,026,109	-	1,316,200	-	3,342,309
	Slan Sdn Bhd	49,789	-	32,343	-	82,132
	Ginagini Sdn Bhd	2,391,734	-	1,553,717	-	3,945,451
	Indigenous Capital Sdn Bhd	-	170,000	110,435	-	280,435
	Regal Genius Sdn Bhd	-	1,812,500	1,177,436	-	2,989,936
Dato' Malek Merican	Kumpulan Kseena Sdn Bhd	3,013	-	1,957	-	4,970

Dalam syarikat subsidiari,
AMFB Holdings Berhad

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Jualan	
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	241,047	-	-	241,047

Dalam syarikat subsidiari,
AmAssurance Berhad

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.3.2004
		Baki pada 1.4.2003	Belian	Jualan	
Dato' Azlan Hashim	ABH Holdings Sdn Bhd	34,062,000	-	-	34,062,000

Oleh kerana kepentingan para pengarah dalam saham Syarikat, para pengarah juga dianggap mempunyai kepentingan dalam saham bagi semua syarikat-syarikat subsidiari hingga ke tahap kepentingan yang dimiliki oleh Syarikat.



Laporan Pengarah *(Sambungan)*

Ganjaran Para Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam jumlah ganjaran pengarah yang telah diterima atau akan diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan) atas sebab perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan dengan para pengarah atau dengan firma di mana para pengarah adalah ahli, atau syarikat di mana para pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali urus niaga pihak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 38 kepada penyata kewangan.

Selain dari manfaat di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja, pihak Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan semasa atau pada akhir tahun kewangan bertujuan bagi membolehkan para pengarah menerima manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

Pengiktirafan Oleh Agensi Luar

Bon RM150.0 juta 3.0% 5 tahun Dijamin Bank Boleh Tebus dan Tidak Bercagar 2002/2007 dengan waran boleh cerai Syarikat telah diberi penarafan jangka panjang AAA (bg) dan AA3 (bg) bagi Tahap 1 berjumlah RM100.0 juta dan Tahap 2 berjumlah RM50.0 juta oleh Rating Agency Malaysia Berhad (RAM).

Penarafan jangka panjang dan jangka pendek A1/P1 dari RAM dan A/MARC-1 dari Malaysian Rating Corporation Berhad untuk bank saudagar telah dilengkapi dengan penarafan antarabangsa BB-(Stable)/B dari Standard and Poor's, BB(Stable)/B dari Capital Intelligence dan BB-(Stable)/B dari Fitch IBCA, Duff & Phelps.

Perbankan komersil ditaraf BB-(Stable)/B oleh Fitch IBCA, Duff & Phelps untuk jangka masa panjang dan jangka masa pendek, sementara syarikat subsidiari kewangan telah ditaraf A2/P1 oleh RAM.

Juruaudit

Juruaudit Tetuan Deloitte KassimChan, telah menyatakan yang mereka tidak akan meminta perlantikan semula pada Mesyuarat Agung Am Tahunan Syarikat yang akan datang.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah,



TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM



CHEAH TEK KUANG

Kuala Lumpur,
31 Mei 2004

Laporan Juruaudit Kepada Ahli-ahli

Kami telah mengaudit lampiran kunci kira-kira pada 31 Mac 2004 dan penyata pendapatan berkaitan, perubahan dalam ekuiti dan aliran wang tunai bagi tahun berakhir tersebut. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berasaskan pengauditan kami.

Kami telah mengendalikannya audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan kepastian yang munasabah tentang samada penyata kewangan adalah bebas daripada kenyataan salah yang penting. Pengauditan merangkumi pemeriksaan, dengan menggunakan asas ujian, bukti yang menyokong amaun dan pendedahan yang dinyatakan dalam penyata kewangan. Pengauditan juga termasuk penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah serta penilaian keseluruhan pembentangan penyata kewangan. Kami yakin pengauditan kami memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) Penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dengan pengubahsuaian dan pengecualian sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, berdasarkan pada Seksyen Kecil (19) Seksyen 169 Akta tersebut bagi syarikat subsidiari perbankan saudagar, perbankan komersil dan syarikat kewangan serta piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - (i) kedudukan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2004, dan keputusan, serta aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta tersebut yang perlu diuruskan dalam penyata kewangan dan penyata kewangan disatukan; dan
- (b) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, termasuk buku-buku daftar yang perlu disimpan di bawah Akta tersebut oleh Syarikat dan syarikat subsidiari di mana kami adalah juruaudit, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami telah menimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit syarikat subsidiari di mana kami bukan juruaudit seperti dinyatakan dalam Nota 13 Penyata Kewangan, merupakan penyata kewangan yang disatukan ke dalam penyata kewangan disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana dikehendaki oleh kami bagi tujuan-tujuan tersebut.


Laporan juruaudit bagi penyata kewangan syarikat subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang pembatasan dan tidak mengandungi sebarang teguran dibuat di bawah Seksyen Kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.



DELOITTE KASSIMCHAN

AF 0080

Akauntan Bertauliah



NG MENG KWAI

1303/5/04(J/PH)

Rakan Kongsi

Petaling Jaya

31 Mei 2004



Kunci Kira-kira

Pada 31 Mac 2004

	Nota	2004		2003	
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ASET					
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	6,711,084	34,746	4,199,472	37,712
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	5	64,818	287	6,837	150
Deposit dengan institusi kewangan	6	307,669	99,339	466,627	18,026
Sekuriti perniagaan	7	3,755,938	-	6,164,063	-
Sekuriti pelaburan	8	6,292,850	9,702	5,527,420	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	9	38,601,050	-	38,117,847	-
Lain-lain aset	10	1,374,634	46,380	958,236	43,237
Ihsan berpunca dari penyatuan	11	281,715	-	295,420	-
Aset cukai tertunda	40	973,554	-	837,497	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	12	1,539,827	-	1,534,530	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	13	-	3,074,348	-	2,699,348
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	14	39,571	-	50,037	-
Harta dan kelengkapan	15	535,900	-	558,699	7
JUMLAH ASET		60,478,610	3,264,802	58,716,685	2,798,480
TANGGUNGAN DAN DANA PEMEGANG SAHAM					
Deposit daripada pelanggan	16	33,017,293	-	31,350,178	-
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	17	11,442,766	-	12,348,371	-
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	18	1,696,318	-	1,842,341	-
Bil dan penerimaan belum bayar	19	271,740	-	149,004	-
Amaun terhutang kepada Cagamas Berhad	20	4,066,859	-	4,485,588	-
Lain-lain tanggungan	21	2,586,860	3,943	1,926,730	3,850
Pinjaman berjangka	22	645,000	224,000	792,750	224,000
Sijil deposit bersubordinat	23	197,418	-	196,064	-
Pinjaman berjangka bersubordinat	24	680,000	-	755,000	-
Pinjaman modal boleh ditukar bersubordinat	25	-	-	460,000	-
Bon Boleh Tebus dan Tidak Bercagar	26	798,325	138,325	135,159	135,159
Jumlah Tanggungan		55,402,579	366,268	54,441,185	363,009
Kepentingan minoriti	28	968,558	-	811,841	-
Modal saham	29	1,858,806	1,858,806	1,001,719	1,001,719
Rizab	30	2,248,667	1,039,728	2,461,940	1,433,752
Dana pemegang saham		4,107,473	2,898,534	3,463,659	2,435,471
JUMLAH TANGGUNGAN DAN DANA PEMEGANG SAHAM		60,478,610	3,264,802	58,716,685	2,798,480
PENGLIBATAN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKA	46	18,708,651	-	15,941,231	-
ASET KETARA BERSIH SESAHAM (RM)	49	2.06	1.56	2.11*	1.62*

* Pelarasan bagi perubahan berkadar dalam jumlah saham biasa hasil daripada Terbitan Bonus dalam tahun kewangan.

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Nota	2004		2003	
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pendapatan faedah	31	3,054,025	9,423	3,217,886	15,965
Perbelanjaan faedah	32	(1,629,276)	(23,497)	(1,669,774)	(23,102)
Pendapatan/(Perbelanjaan) faedah bersih		1,424,749	(14,074)	1,548,112	(7,137)
Pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam	55 (x)	337,155	-	149,755	-
		1,761,904	(14,074)	1,697,867	(7,137)
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan	33	(865,588)	-	(887,302)	-
		896,316	(14,074)	810,565	(7,137)
Pendapatan bukan faedah	34	907,775	85,099	702,780	82,907
Masuk kira semula peruntukan penyusutan nilai pelaburan – bersih		20,566	-	21,147	-
Masuk kira semula/(Peruntukan) pelbagai hutang ragu belum terima – bersih		16,343	-	(5,807)	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan (Peruntukan am)/Masuk kira semula peruntukan am penglibatan dan tanggungan luar jangka	21	(47,870)	-	(6,442)	-
Peruntukan kos integrasi penggabungan	35	(37,000)	-	16,000	-
		-	-	(20,253)	-
		1,756,130	71,025	1,517,990	75,770
Perbelanjaan bukan faedah	36	(1,399,143)	(7,278)	(1,111,984)	(5,750)
KEUNTUNGAN SEBELUM BAHAGIAN KEPUTUSAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN PENCUKAIAN		356,987	63,747	406,006	70,020
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		1,437	-	(3,951)	-
KEUNTUNGAN SEBELUM PENCUKAIAN		358,424	63,747	402,055	70,020
Pencukaian	39	39,841	(21,000)	(13,451)	(17,966)
KEUNTUNGAN SEBELUM KEPENTINGAN MINORITI		398,265	42,747	388,604	52,054
Kepentingan para pemegang saham minoriti dalam keputusan syarikat-syarikat subsidiari	28	(174,544)	-	(125,448)	-
KEUNTUNGAN BERSIH HAK PARA PEMEGANG SAHAM SYARIKAT		223,721	42,747	263,156	52,054
PENDAPATAN BAGI SESAHAM (SEN)	42				
Asas		14.0	2.7	17.5*	3.3*
Tercair		13.2	2.5	17.5*	3.3*
DIVIDEN PERTAMA DAN AKHIR SESAHAM BIASA (SEN)					
Kasar		4.00	4.00	3.33*	3.33*
Bersih		2.88	2.88	2.40*	2.40*

* Pelarasan bagi perubahan berkadar dalam jumlah saham biasa hasil daripada Terbitan Bonus dalam tahun kewangan.

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Tidak boleh diagihkan				Boleh diagihkan			
	Modal saham RM'000	Rizab modal RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab perubahan pertukaran mata wang RM'000	Rizab am RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan								
Pada 1 April 2002								
Dinyatakan sebelum ini	916,969	143,315	138,000	704,995	17,112	9,340	558,506	2,488,237
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	-	156,904	156,904
Dinyatakan semula	916,969	143,315	138,000	704,995	17,112	9,340	715,410	2,645,141
Pelarasan terjemahan	-	-	-	-	2,715	-	-	2,715
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	263,156	263,156
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	(34,289)	(34,289)
Faedah atas ICULS	-	-	-	-	-	-	(5,550)	(5,550)
Pindahan daripada penyata pendapatan	-	-	-	190,390	-	-	-	190,390
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	-	-	-	(190,390)	(190,390)
Pindahan ke keuntungan tidak diagihkan	-	-	-	-	-	(9,340)	-	(9,340)
Pindahan daripada rizab am	-	-	-	-	-	-	9,340	9,340
Timbul daripada pengubahan ICULS 1997/2002 dalam syarikat subsidiari kewangan	-	(31,780)	-	-	-	-	-	(31,780)
Timbul daripada terbitan 3.0% Bon 2007 dalam Syarikat	-	15,487	-	-	-	-	-	15,487
Timbul daripada pengubahan ICULS 1997/2002 dalam syarikat subsidiari perbankan komersil	-	13,749	-	-	-	-	-	13,749
Timbul daripada pelaksanaan opsyen saham Syarikat	10,329	-	24,321	-	-	-	-	34,650
Timbul daripada pengubahan ICULS 1997/2002 Syarikat	38,925	-	395,088	-	-	-	-	434,013
Timbul daripada pemerolehan 20% baki kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari perbankan komersil	35,496	-	90,871	-	-	-	-	126,367
Pada 31 Mac 2003	1,001,719	140,771	648,280	895,385	19,827	-	757,677	3,463,659

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (Sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Tidak boleh diagihkan				Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab modal RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab perubahan pertukaran mata wang RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	
Kumpulan							
Pada 1 April 2003							
Dinyatakan sebelum ini	1,001,719	140,771	648,280	895,385	19,827	633,640	3,339,622
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	124,037	124,037
Dinyatakan semula	1,001,719	140,771	648,280	895,385	19,827	757,677	3,463,659
Pelarasan terjemahan	-	-	-	-	(223)	-	(223)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	223,721	223,721
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	(36,062)	(36,062)
Reklasifikasi	-	(15,487)	15,487	-	-	-	-
Pindahan daripada penyata pendapatan	-	-	-	268,688	-	-	268,688
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	-	-	(268,688)	(268,688)
Diterbitkan dalam tahun berikutan:							
- Pelaksanaan opsyen saham	45,128	-	67,600	-	-	-	112,728
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	2,740	-	7,107	-	-	-	9,847
- Terbitan bonus	505,762	-	(505,762)	-	-	-	-
- Terbitan hak	303,457	-	30,346	-	-	-	333,803
Pada 31 Mac 2004	1,858,806	125,284	263,058	1,164,073	19,604	676,648	4,107,473



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (Sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab modal RM'000	Premium saham RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	
Syarikat						
Pada 1 April 2002						
Dinyatakan sebelum ini	916,969	-	138,000	532,154	233,457	1,820,580
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	(10,103)	(10,103)
Dinyatakan semula	916,969	-	138,000	532,154	223,354	1,810,477
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	52,054	52,054
Faedah atas ICULS	-	-	-	-	(3,288)	(3,288)
Dividen dibayar	-	-	-	-	(34,289)	(34,289)
Timbul daripada terbitan 3.0% Bon 2007 dalam Syarikat	-	15,487	-	-	-	15,487
Timbul dari pelaksanaan opsiyen saham Syarikat	10,329	-	24,321	-	-	34,650
Timbul dari pengubahan ICULS 1997/2002 dalam Syarikat	38,925	-	395,088	-	-	434,013
Timbul daripada pemerolehan 20% baki kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari perbankan komersil	35,496	-	90,871	-	-	126,367
Pada 31 Mac 2003	1,001,719	15,487	648,280	532,154	237,831	2,435,471
Syarikat						
Pada 1 April 2003	1,001,719	15,487	648,280	532,154	237,831	2,435,471
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	42,747	42,747
Dividen dibayar	-	-	-	-	(36,062)	(36,062)
Reklasifikasi	-	(15,487)	15,487	-	-	-
Diterbitkan dalam tahun berikutan:						
- Pelaksanaan opsiyen saham	45,128	-	67,600	-	-	112,728
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	2,740	-	7,107	-	-	9,847
- Terbitan bonus	505,762	-	(505,762)	-	-	-
- Terbitan hak	303,457	-	30,346	-	-	333,803
Pada 31 Mac 2004	1,858,806	-	263,058	532,154	244,516	2,898,534

Pergerakan dalam rizab modal adalah seperti berikut:


- RMTiada (RM31,780,000 dalam 2003) adalah berkaitan dengan pencairan dalam aset bersih Kumpulan yang timbul daripada saham yang diterbitkan berikutan dengan pengubahan ICULS 1997/2002 oleh Syarikat dalam AMFB.
- RM15,487,000 (RM15,487,000 dalam 2003) adalah berkaitan dengan diskaun dalam penerbitan RM150,000,000 amaun nominal 3% Bon 2007 oleh Syarikat.
- RMTiada (RM13,749,000 dalam 2003) adalah berkaitan dengan peningkatan dalam aset bersih Kumpulan yang timbul daripada saham yang diterbitkan berikutan dengan pengubahan ICULS 1996/2001 oleh pemegang-pemegang saham minoriti dalam syarikat subsidiari perbankan komersil.

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

Penyata Aliran Wang Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum pencucuaian Campur/(Tolak) pelarasan bagi:	358,424	63,747	402,055	70,020
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan selepas bayaran balik	865,588	-	887,302	-
Faedah tertanggung selepas bayaran balik	352,086	-	648,678	-
Tambahana dana insurans	172,825	-	91,287	-
Susut nilai harta dan kelengkapan	83,736	7	115,920	18
Pendapatan tertanggung selepas bayaran balik	52,398	-	96,583	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan	47,870	-	6,442	-
Peruntukan am/(Masuk kira semula peruntukan am) penglibatan dan tanggungan luar jangka	37,000	-	(16,000)	-
Pelunasan ihsan dan premium hasil penyatuan	14,327	-	13,787	-
Peruntukan harta-harta dirampas	4,464	-	-	-
Lain-lain penghutang dihapuskan	332	-	1,261	-
Harta dan kelengkapan dihapuskan	249	-	672	-
Pendapatan dividen kasar dari pelaburan (Keuntungan)/Kerugian bersih jualan pelaburan disebut harga	(56,599)	(84,816)	(16,306)	(82,380)
Masuk kira semula penyusutan nilai pelaburan – bersih	(20,566)	-	(21,147)	-
(Masuk kira semula peruntukan)/Peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima – bersih	(16,343)	-	5,807	-
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun sekuriti pasaran wang – bersih	(10,507)	-	(959)	-
Keuntungan bersih jualan pelaburan tidak disebut harga	(10,385)	-	(3,105)	-
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	(1,437)	-	3,951	-
Keuntungan bersih dari jualan harta dan kelengkapan	(1,379)	-	(1,231)	-
Keuntungan bersih jualan aset pajakan	(8)	-	(14)	-
Keuntungan bersih penebusan pelaburan tidak disebut harga	-	-	(93)	-
Keuntungan/(Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	1,845,626	(21,062)	2,221,761	(12,342)
Pengurangan/(Pertambahan) Aset Operasi:				
Deposit dengan institusi kewangan	158,958	(81,313)	603,801	(7,723)
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik Sekuriti perniagaan	(57,981)	(137)	9,945	(150)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Lain-lain aset	2,408,125	-	(3,686,843)	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	(1,753,275)	-	(2,373,414)	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	(390,379)	20,605	402,434	24,620
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	(5,297)	-	(27,223)	-
Pertambahan/(Pengurangan) Tanggungan Operasi:				
Deposit daripada pelanggan	1,667,115	-	(852,134)	-
Deposits bank dan lain-lain institusi kewangan	(905,605)	-	2,969,660	-
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli balik	(146,023)	-	779,191	-
Bil dan penerimaan belum bayar	122,736	-	(12,424)	-
Pinjaman berjangka	(147,750)	-	111,101	-
Amaun terhutang kepada Cagamas Berhad	(418,729)	-	294,282	-
Lain-lain tanggungan	643,704	(17,741)	(162,382)	(28,681)
Wang Tunai Diwujudkan Dari/ (Digunakan Dalam) Operasi	3,021,225	(99,648)	277,755	(24,276)
Pembayaran cukai	(79,009)	-	(87,703)	-
Wang Tunai Bersih Diwujudkan Dari/ (Digunakan Dalam) Kegiatan Operasi	2,942,216	(99,648)	190,052	(24,276)



Penyata Aliran Wang Tunai (Sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN				
Dividen diterima dari lain-lain pelaburan	40,751	-	11,740	-
Pembayaran balik modal oleh syarikat bersekutu	10,395	-	-	-
Perolehan dari jualan harta dan kelengkapan	1,824	-	1,315	-
Perolehan dari jualan syarikat bersekutu	638	-	-	-
Dividen diterima dari syarikat bersekutu	195	-	765	-
Perolehan dari jualan aset pajakan	8	-	14	-
(Pembelian)/Penjualan sekuriti pelaburan - bersih	(697,523)	(9,702)	231,380	-
Pembelian harta dan kelengkapan	(76,644)	-	(82,651)	-
Perolehan tambahan saham dalam syarikat subsidiari	-	-	328	-
Timbul daripada perolehan 20% kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari perbankan komersil	-	-	(126,848)	(126,848)
Dividen diterima dari syarikat-syarikat subsidiari	-	61,068	-	59,314
Langganan untuk terbitan hak syarikat subsidiari pajakan dan kredit	-	(50,000)	-	(50,000)
Langganan untuk terbitan hak syarikat subsidiari perbankan	-	(325,000)	-	-
Wang Tunai Bersih (Digunakan Dalam)/ Diwujudkan Dari Kegiatan Pelaburan	(720,356)	(323,634)	36,043	(117,534)
ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN KEWANGAN				
Perolehan dari bon boleh tebus dan tidak bercagar bersubordinat	660,000	-	-	-
Perolehan dari penerbitan saham Syarikat	446,531	446,531	161,085	161,085
Perolehan dari penerbitan waran baru 2003/2008	9,847	9,847	15,487	15,487
Perolehan dari penerbitan saham oleh syarikat subsidiari kepada para pemegang saham minoriti	1,156	-	310	-
Pembayaran balik pinjaman modal boleh tukar bersubordinat	(460,000)	-	-	-
Pembayaran balik amaun terhutang kepada Danamodal (Pembayaran balik)/Perolehan dari pinjaman berjangka bersubordinat	(271,915)	-	-	-
Pembayaran dividen kepada para pemegang saham Syarikat	(36,062)	(36,062)	(34,289)	(34,289)
Pembayaran dividen kepada kepentingan minoriti oleh syarikat-syarikat subsidiari	(18,983)	-	(2,008)	-
Perolehan dari penerbitan 3.0% Bon Jaminan Bank Boleh Tebus dan Tidak Bercagar 2002/2007	-	-	134,217	134,217
Pembayaran balik 5.0% Bon Boleh Tebus dan Tidak Bercagar 1997/2002	-	-	(435,062)	(435,062)
Faedah atas ICULS dibayar kepada para pemegang ICULS	-	-	(5,550)	(3,288)
Wang Tunai Bersih Diwujudkan Dari/ (Digunakan Dalam) Kegiatan Kewangan	255,574	420,316	(165,810)	(61,850)
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai	2,477,434	(2,966)	60,285	(203,660)
Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai Pada Awal Tahun	4,177,464	37,712	4,117,179	241,372
Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai Pada Akhir Tahun	6,654,898	34,746	4,177,464	37,712

Penyata Aliran Wang Tunai *(Sambungan)*

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2004

Nota 1: Pemerolehan syarikat subsidiari

Nilai saksama aset dan tanggungan yang diambil alih timbul daripada pemerolehan 10% kepentingan ekuiti tambahan dalam syarikat bersekutu tidak langsung, Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd (MVMI), mengakibatkan MVMI menjadi syarikat subsidiari AmMerchant Bank Berhad, dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 adalah seperti berikut:

Kumpulan	2003 RM'000
Pemerolehan aset/(tanggungan) bersih:	
Wang tunai dan dana jangka pendek	384
Lain-lain aset	245
Harta dan kelengkapan – Kos	60
Harta dan kelengkapan – Susutnilai terkumpul	(52)
Lain-lain tanggungan	(74)
	<hr/>
Aset bersih	563
Kepentingan minoriti	(231)
Amaun yang dikira sebagai syarikat bersekutu	(276)
	<hr/>
Harga belian dibayar	56
Tolak: Wang tunai dan dana jangka pendek	(384)
	<hr/>
Aliran wang tunai akibat pemerolehan, bersih daripada pemerolehan wang tunai	<u>(328)</u>

Nota 2: Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Bagi tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai mengandungi wang tunai dan dana jangka pendek ditolak overdraf bank. Wang tunai dan kesamaan wang tunai dalam penyata aliran wang tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan dana jangka pendek (Nota 4)	6,711,084	34,746	4,199,472	37,712
Overdraf bank (Nota 21)	(56,317)	-	(21,988)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Kesan perubahan kadar pertukaran mata wang	6,654,767	34,746	4,177,484	37,712
	131	-	(20)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Wang tunai dan kesamaan wang tunai	<u>6,654,898</u>	<u>34,746</u>	<u>4,177,464</u>	<u>37,712</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan

1. Kegiatan Utama Dan Matlumat Am

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegangan pelaburan.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 13.

Dalam tahun kewangan, tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan-kegiatan Kumpulan.

2. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk terbitan pada 31 Mei 2004.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, Akta Insurans 1996 dan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Penyata kewangan Kumpulan juga meliputi kegiatan Perniagaan Perbankan Islam yang dijalankan oleh Kumpulan. Perniagaan Perbankan Islam secara amnya merujuk kepada penerimaan deposit dan tawaran pembiayaan di bawah prinsip Syariah.

3. Dasar-Dasar Penting Perakaunan

Polisi-polisi perakaunan berikut yang diterapkan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah konsisten dengan yang diterapkan dalam tahun-tahun sebelumnya kecuali yang berikut:

- (a) Piawaian baru oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) berikut yang berkuatkuasa dalam tahun kewangan semasa.
 - (i) MASB 25, Cukai Pendapatan diambil kira secara retrospektif. Angka perbandingan telah dinyatakan semula untuk mencerminkan kesan ke atas pertukaran polisi perakaunan.
 - (ii) MASB 27, Kos Pinjaman. Penyerapan tidak memberi sebarang kesan ke atas penyata kewangan kerana polisi perakaunan tahun lepas adalah sejajar dengan piawaian tersebut.
 - (iii) MASB 28, Pemberhentian Operasi. Penyerapan tidak memberi sebarang kesan ke atas penyata kewangan.
 - (iv) MASB 29, Manfaat-manfaat Pekerja diambil kira secara prospektif. Penyerapan tidak memberi sebarang kesan penting ke atas penyata kewangan kerana polisi perakaunan tahun lepas adalah sejajar dengan piawaian tersebut.
 - (v) MASB i-1, Pembentangan Penyata Kewangan Institusi-institusi Kewangan Islam. Penyerapan tersebut menyebabkan pendedahan lanjutan bagi urus niaga Perbankan Islam Kumpulan.
- (b) Surat Pekeliling Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Julai 2003 dan Pindaan Surat Pekeliling bertarikh 8 Ogos 2003 mengenai pengolahan perakaunan ke atas yuran pengendalian yang dibayar kepada agen-agen kenderaan bermotor untuk pinjaman sewa beli (Surat Pekeliling BNM bagi Yuran Pengendalian) yang telah diambil kira secara prospektif.

MASB 30, Laporan dan Perakaunan bagi Pelan Ganjaran Persaraan tidak diserap kerana tidak berkaitan dengan Syarikat dan Kumpulan.

Kesan serapan MASB 25 yang baru, Cukai Pendapatan ke atas baki awal keuntungan tidak diagihkan Kumpulan telah dinyatakan sebagai pelarasan tahun lepas dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan dinyatakan dalam Nota 53 penyata kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dengan pengubahsuaian tertentu untuk mengambil kira penilaian pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari oleh para pengarah dalam penyata kewangan Syarikat.

Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan mengandungi penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya seperti yang disenaraikan dalam Nota 13 yang telah disediakan hingga akhir tahun kewangan kecuali bagi P.T. AmCapital Indonesia dan Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd di mana penyata kewangan telah disediakan sehingga 31 Disember 2003 dengan pelarasan, di mana sesuai, dibuat untuk urus niaga penting yang berlaku di antara 1 Januari 2004 hingga 31 Mac 2004.

Syarikat menggunakan kedua-dua kaedah gabungan (atau "kaedah pengumpulan kepentingan") dan kaedah pemerolehan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan.

Kaedah gabungan digunakan untuk pemindahan syarikat subsidiari-subsidiari menurut skim penyusunan di bawah pelaksanaan penyusunan semula Kumpulan yang dilaksanakan dalam tahun 1992. Kaedah pemerolehan digunakan untuk semua pemerolehan lain.

Di bawah kaedah gabungan, aset, tanggungan dan rizab, pendapatan dan perbelanjaan syarikat-syarikat yang digabungkan, telah digabung dalam satu entiti pada jumlah yang sedia ada.

Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual sepanjang tahun kewangan telah disertakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dari tarikh efektif pemerolehan atau hingga tarikh efektif penjualan, mana yang berkaitan. Lebihan kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari ke atas bahagian aset bersih syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pemerolehan dikira sebagai ihsan berpunca dari penyatuan.

Semua urus niaga dan baki penting antara syarikat dihapuskan apabila disatukan.

Perjanjian Pembelian Balik

Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut dinyatakan sebagai aset di dalam kunci kira-kira.

Sebaliknya, tanggungan ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian beli balik adalah sekuriti yang dijual oleh Kumpulan daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan bagi tujuan pendanaan. Nilai yang mengiringi sekuriti perjanjian pembelian balik tetap di dalam akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli balik sekuriti pada harga dipersetujui dan pada tarikh masa hadapan yang ditentukan diambilkira sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira.

Sekuriti Perniagaan

Sekuriti perniagaan adalah sekuriti pasaran dibeli dan dipegang dengan tujuan untuk dijual semula dalam jangkamasa pendek.

Sekuriti pasaran wang, pertukaran hutang ekuiti, sekuriti disebut harga dan sekuriti hutang persendirian, dinyatakan pada kos atau nilai pasaran berasaskan portfolio, yang mana lebih rendah.

Sekuriti tidak disebut harga pada umumnya dinyatakan pada kos ditolak peruntukan penyusutan nilai sekuriti tersebut, jika ada.

Pindahan di antara sekuriti perniagaan dan pelaburan, jika ada, dilaksanakan dengan menggunakan nilai kos dan nilai pasaran, yang mana lebih rendah.



Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Sekuriti Pelaburan

Sekuriti pelaburan adalah sekuriti dibeli dan dipegang untuk hasil atau pertumbuhan modal atau untuk memenuhi keperluan minimum aset mudah cair syarikat subsidiari perbankan saudagar, perbankan komersil dan syarikat kewangan menurut Seksyen 38, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989 dan biasanya dipegang sehingga matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan lain-lain sekuriti kerajaan serta sekuriti hutang persendirian yang dijamin oleh bank dinyatakan pada kos setelah pelarasan untuk pelunasan premium atau peningkatan diskaun. Lain-lain sekuriti hutang persendirian dinyatakan pada kos dan nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

Lain-lain sekuriti pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan akan dibuat bila terdapat sebarang penyusutan nilai yang kekal.

Pindahan diantara sekuriti pelaburan dan perniagaan, jika ada, dilaksanakan dengan menggunakan nilai kos buku atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

Peruntukan Hutang Ragu Dan Pembiayaan

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan tertentu hutang ragu dan pembiayaan disediakan apabila kemungkinan kutipan tidak dapat ditentukan. Untuk penilaian kemungkinan kutipan, pihak pengurusan menimbangkan beberapa faktor seperti keadaan kewangan peminjam, anjuran aliran wang tunai, pengurusan, kualiti cagaran atau jaminan bagi hutang belum diterima serta keadaan ekonomi semasa dan dijangkakan.

Peruntukan am juga disediakan berasaskan pada peratusan yang ditetapkan bagi pertambahan bersih hutang dan pembiayaan belum diterima. Peratusan ini dikaji setiap tahun berdasarkan pengalaman di masa lampau dan keadaan semasa dan jika perlu, pelarasan dibuat pada peruntukan am keseluruhannya.

Pinjaman atau pembiayaan yang tidak boleh dipungut atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai realisasi cagaran, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat tiada peluang untuk memungutnya.

Penghutang Perniagaan Dan Lain-Lain Penghutang

Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai buku selepas ditolak peruntukan yang bersesuaian untuk amaun yang tidak dapat dipungut. Peruntukan hutang ragu adalah berdasarkan anggaran kemungkinan kerugian yang mungkin timbul dari sesetengah akaun penghutang yang tidak dapat dikutip.

Harta-Harta Dirampas

Harta-harta dirampas adalah harta yang diperolehi hasil daripada pembayaran penuh atau sebahagian hutang, dinyatakan pada kos tolak peruntukan penyusutan nilai harta tersebut, jika ada.

Amaun Belum Terima Daripada Danaharta Nasional Berhad (Danaharta)

Ini adalah berkaitan dengan penjualan pinjaman kepada Danaharta di mana jumlah ganjaran diterima dalam dua bahagian; apabila pinjaman dijual (ganjaran awal) dan apabila pinjaman dibayar balik (ganjaran akhir). Amaun ganjaran akhir merupakan bahagian Kumpulan yang ditentukan terlebih dahulu ke atas lebih daripada ganjaran awal apabila pinjaman dibayar balik.

Perbezaan di antara nilai buku pinjaman dan ganjaran awal adalah dikenali sebagai 'Amaun boleh didapat balik daripada Danaharta' di dalam komponen 'Lain-lain aset' dalam kunci kira-kira disatukan. Peruntukan ke atas amaun ini disediakan untuk membayangkan penilaian para pengarah ke atas nilai realisasi untuk ganjaran akhir pada tarikh kunci kira-kira.

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Ihsan/Premium Berpunca Dari Penyatuan

Ihsan berpunca dari penyatuan mewakili lebih harga pembelian ke atas nilai saksama untuk aset bersih syarikat subsidiari pada tarikh pemerolehan.

Ihsan berpunca dari penyatuan akan dianggap sebagai aset dan pada umumnya dilunaskan sama rata dalam tempoh antara dua puluh hingga lima puluh tahun.

Premium ke atas penyatuan hasil daripada pemerolehan syarikat-syarikat bersekutu adalah termasuk dalam amaun syarikat-syarikat bersekutu dan mewakili lebih harga pembelian ke atas kepentingan nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan dan dilunaskan dalam tempoh dua puluh lima tahun.

Bila terdapat tanda-tanda kemerosotan, nilai buku ihsan/premium akan dikaji dan diturunkan serta merta ke amaun yang boleh didapati kembali.

Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh keuntungan daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, yang dihapuskan apabila disatukan, dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat pada kos atau penilaian para pengarah, dan disusut kira apabila para pengarah menganggap terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada kemerosotan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai tersebut dicaj ke dalam penyata pendapatan kecuali ia kebalikan penilaian sebelumnya, yang mana ia akan dikira sebagai pengurangan penilaian. Penilaian para pengarah, dicapai selepas mengambil kira dasar nilai aset ketara bersih syarikat-syarikat subsidiarinya dan lebih penilaian semula telah dikreditkan ke akaun rizab penilaian semula. Penilaian pelaburan dalam syarikat subsidiari akan dilaksanakan pada jarak kebiasaan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap lima tahun. Para pengarah telah menilai semula pelaburan Syarikat dalam anak-anak syarikat dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002.

Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20.0% hingga 50.0% dan di mana Kumpulan mempunyai wakil dalam Lembaga Pengarah serta mampu mempengaruhi pengurusan syarikat berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, dan disusut kira apabila para pengarah mendapati terdapat kerugian kemerosotan nilai selain daripada pengurangan nilai sementara pelaburan tersebut. Kerugian kemerosotan nilai tersebut dicaj ke dalam penyata pendapatan. Dalam penyata kewangan disatukan, keputusan syarikat-syarikat bersekutu diambil kira di bawah kaedah ekuiti di mana bahagian keuntungan bagi Kumpulan ditolak kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu selepas pemerolehan adalah termasuk di dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dicampur pelarasan-pelarasan bagi mencerminkan perubahan dalam bahagian Kumpulan ke atas aset bersih syarikat-syarikat bersekutu di dalam kunci kira-kira disatukan.



Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Harta, Kelengkapan Dan Susut Nilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

Keuntungan atau kerugian timbul daripada penjualan sesuatu aset ditentukan sebagai perbezaan diantara perolehan penjualan bersih yang dianggarkan dan amaun buku aset, dan direkodkan dalam penyata pendapatan.

Tiada susut nilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas. Susutnilai lain-lain harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susut nilai tahunan bagi pelbagai jenis harta dan kelengkapan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Bangunan pegangan pajak	2% atau sepanjang tempoh pajakan jangka pendek
Tanah pajakan jangka panjang	Sepanjang tempoh pajakan
Tanah pajakan jangka pendek	Sepanjang tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	20%
Pembaikan pegangan pajak	10% - 33 1/3%
Peralatan komputer dan perisian	20% - 33 1/3%
Kelengkapan pejabat dan kediaman, perabot dan perkakas	10% - 33 1/3%

Pajakan jangka panjang adalah pajakan dengan tempoh 50 tahun dan ke atas. Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan tempoh kurang daripada 50 tahun.

Aset Dibeli Di Bawah Pajakan

Aset dibeli di bawah pajakan di mana terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilikan aset tersebut kepada pemajak telah dipermodalkan sebagai harta dan kelengkapan. Aset dan kewajipan sewaan berkenaan telah direkodkan pada nilai sewa minima semasa atau nilai patutan aset pajakan pada tempoh permulaan pajakan, yang mana lebih rendah.

Pajakan yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut adalah dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa berkenaan telah dicajkan kepada penyata pendapatan.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang bayaran yang mesti dibuat kepada pemberi pajak sebagai penalti di kira sebagai belanja dalam tempoh di mana penamatan pajakan berlaku.

Pada 31 Mac 2004, Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai aset dibeli di bawah pajakan.

Kemerosotan Aset

Nilai buku aset akan dikaji untuk kemerosotan apabila terdapat tanda-tanda aset mungkin dirosotkan. Kemerosotan akan dikira dengan membandingkan nilai buku aset dengan amaun boleh didapati kembali. Amaun boleh didapati kembali adalah nilai realisasi bersih dan nilai yang digunakan, yang mana lebih tinggi, dikira dengan merujuk kepada aliran wang tunai masa hadapan yang didiskaunkan, jika digunakan. Amaun boleh didapati kembali dianggarkan untuk setiap aset atau, jika tidak munasabah, untuk unit yang menghasilkan wang tunai.

Kerugian kemerosotan akan dicajkan ke penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan pada amaun penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dianggap sebagai penurunan penilaian semula setakat lebihan penilaian semula aset yang sama yang diiktiraf sebelum itu.

Peningkatan selanjutnya dalam amaun boleh didapati kembali untuk sesuatu aset akan dikira sebagai kebalikan bagi kemerosotan sebelum ini dan akan diiktiraf setakat amaun buku aset tersebut yang sudah ditentukan (selepas pelunasan dan susut nilai) jika kerugian kemerosotan tidak diiktiraf. Kebalikan berkenaan akan direkodkan dalam penyata pendapatan serta merta, kecuali aset tersebut direkodkan pada amaun penilaian semula. Kebalikan kerugian kemerosotan ke atas aset yang dinilai semula akan dikreditkan terus ke lebihan penilaian. Tetapi, setakat kerugian kemerosotan ke atas aset yang sama yang dicajkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebelum ini, kebalikan untuk kemerosotan tersebut akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan.

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Bil Dan Penerimaan Belum Bayar

Bil dan penerimaan belum bayar merupakan bil dan penerimaan sendiri syarikat subsidiari perbankan saudagar dan perbankan komersil yang didiskaunkan semula dan belum dijelaskan di pasaran.

Dana Insurans Am

Dana insurans am merupakan rizab bagi risiko-risiko belum tamat dan dikira menggunakan kaedah 1/24 ke atas premium kasar ditolak insurans semula.

Dana Insurans Nyawa

Dana insurans nyawa berdasarkan keputusan penilaian tahunan beraktuari diselaraskan untuk lebih atau kekurangan hasil. Penilaian terbaru dibuat sehingga 31 Mac 2004 dan keputusan telah dinyatakan sewajarnya.

Peruntukan Bagi Tuntutan

Bagi tuntutan-tuntutan insurans am, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapati kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan termasuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan sehingga selepas tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah anggaran matematik.

Bagi tuntutan-tuntutan insurans nyawa, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapati kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah kes tersebut.

Pindahan Ke Rizab Persamaan Keuntungan (PER)

PER merujuk kepada jumlah yang diagihkan daripada jumlah pendapatan kasar bagi mengekalkan tahap pulangan simpanan. PER ditolak daripada jumlah pendapatan kasar (dalam memperolehi pendapatan kasar bersih) seperti yang diluluskan dan disokong oleh Majlis Penasihat Negara bagi Perbankan Islam dan takaful Bank Negara Malaysia.

Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila kemungkinan aliran keluar sumber dalam bentuk manfaat ekonomi akan diminta untuk menyelesaikan kewajipan semasa akibat daripada peristiwa lampau dan anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan Penglibatan Dan Tanggungan Luar Jangka

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas jaminan diberi bagi pihak pelanggan, peruntukan tertentu bagi penglibatan dan tanggungan luar jangka dibuat apabila panggilan atau potensi tanggungan berlaku dan terdapat kekurangan dalam nilai cagaran untuk menyokong jaminan tersebut.



Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Ganjaran Pekerja

(i) Ganjaran Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan telah diakru dalam tempoh dalam mana perkhidmatan tersebut dilakukan oleh para pekerja Kumpulan.

(ii) Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Syarikat-syarikat subsidiari yang beroperasi di luar negara membuat caruman kepada skim-skim persaraan berkanun di negara masing-masing. Caruman tersebut dikira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Apabila caruman tersebut dijelaskan, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

(iii) Ganjaran Pampasan Ekuiti

Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat membenarkan para pengarah dan para pekerja Kumpulan, kecuali para pengarah eksekutif yang mewakili Kerajaan atau agensi-agensi dan institusi-institusi Kerajaan dan pekerja Kerajaan yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan awam di bawah Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan dan para pengarah eksekutif AmSecurities Sdn Bhd yang layak membeli saham Syarikat. Apabila pelaksanaan opsyen dilaksanakan, ekuiti akan bertambah dengan jumlah penjualan yang diterima.

Kontrak Pertukaran Hadapan

Kontrak pertukaran hadapan yang belum matang dinilai mengikut kadar hadapan pada tarikh kunci kira-kira, menurut tarikh kematangan masing-masing dan, keuntungan dan kerugian belum direalisasi adalah diiktirafkan dalam penyata pendapatan.

Kontrak-Kontrak Pertukaran Kadar Faedah, Niaga Hadapan, Opsyen Dan Kadar Hadapan

Kumpulan berperanan sebagai perantara dengan pihak-pihak yang ingin menukar ganti tanggungan faedah mereka. Kumpulan juga menggunakan kontrak-kontrak pertukaran kadar faedah, niaga hadapan, opsyen dan kadar hadapan dalam kegiatan perniagaannya dan dalam pengurusan risiko faedah secara keseluruhannya.

Pendapatan atau perbelanjaan faedah berkaitan dengan pertukaran kadar faedah yang layak sebagai perlindungan nilai, adalah diiktirafkan sepanjang hayat perjanjian pertukaran sebagai komponen pendapatan atau perbelanjaan faedah. Keuntungan dan kerugian di atas kontrak-kontrak kadar faedah, niaga hadapan, opsyen dan kadar hadapan yang layak sebagai perlindungan nilai adalah kebiasaannya tertunda dan dilunas sepanjang hayat aset atau tanggungan yang dilindung nilai sebagai pelarasan pendapatan atau perbelanjaan faedah.

Keuntungan dan kerugian di atas kontrak-kontrak pertukaran kadar faedah, niaga hadapan, opsyen dan kadar hadapan yang tidak layak sebagai perlindungan nilai, adalah diiktirafkan dengan menggunakan kaedah harga pasaran, dan dinyatakan sebagai pendapatan atau kerugian perniagaan derivatif.

Perjanjian Jual Dan Beli Balik

Ini adalah tanggungjawab Kumpulan untuk menunaikan tanggungannya untuk membeli semula Sekuriti Islam tertentu pada tempoh matang. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf semasa penjualan dan dinyatakan sebagai pendapatan atau kerugian sekuriti perniagaan.

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan Faedah Dan Pembiayaan

Pendapatan faedah dan pembiayaan pada umumnya diakru menggunakan kaedah sama rata berdasarkan baki tertunggak kesemua aset yang menanggung faedah. Pendapatan faedah termasuk pelunasan premium atau kenaikan diskaun. Pendapatan pembiayaan dan faedah sekuriti pelaburan dan jualan dikira berdasarkan kadar hasil efektif.

Kumpulan menggunakan kaedah pembiayaan perakaunan untuk pendapatan dari kegiatan pajakan. Mengikut kaedah pembiayaan, lebihan jumlah sewa ke atas kos harta pajakan (dikurangkan dengan anggaran nilai baki pada akhir pajakan), dikira sebagai pendapatan selama tempoh pajakan dan jumlahnya berkurangan setara dengan susutan baki jumlah belum diperolehi menggunakan kaedah 'jumlah angka'.

Pendapatan pembiayaan dan faedah atas overdraf, pinjaman jangka panjang dan pinjaman perumahan dihitung berdasarkan akruan dengan merujuk kepada tempoh masa seperti yang tercatat dalam perjanjian pinjaman, samada bulanan atau harian. Pendapatan faedah dan pembiayaan dari pembiayaan sewa beli dan pendiskaunan blok Kumpulan dikira mengikut kaedah 'jumlah angka'.

Sungguhpun dasar Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf pendapatan faedah dan pembiayaan berdasarkan akruan, pendapatan faedah dan pembiayaan dari akaun-akaun tidak bergerak tidak diiktiraf sebagai pendapatan dan dikebalikan dan digantung sehingga wang tunai diterima atau realisasi wang tunai adalah pasti.

Akaun-akaun dianggap tidak bergerak jika pembayaran balik adalah tertunggak lebih daripada enam bulan dan selepas tarikh kematangan bagi bil perdagangan, penerimaan jurubank dan penerimaan amanah.

Pengkelasan pinjaman dan pembiayaan tidak bergerak adalah selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi Pengkelasan Pinjaman Tidak Bergerak dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragau.

Perbelanjaan faedah dan pendapatan ke atas deposit (berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Perbankan Islam) ke atas deposit dan pinjaman Kumpulan diakru mengikut kaedah sama rata, manakala caj pembiayaan pendiskaunan blok diakru dengan menggunakan kaedah 'jumlah angka'.

Yuran pengendalian yang dibayar kepada peniaga kenderaan bermotor untuk pinjaman dan pembiayaan sewa beli yang diluluskan dan dikeluarkan selepas 1 Januari 2004 telah dikira sebagai belanja dalam penyata kewangan bagi tempoh di mana yuran pengendalian tersebut diambil kira selaras dengan Surat Pekeliling Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Julai 2003 dan Semakan Surat Pekeliling bertarikh 8 Ogos 2003. Walau bagaimanapun, yuran pengendalian yang dibayar kepada peniaga kenderaan bermotor untuk pinjaman dan pembiayaan sewa beli yang diluluskan dan dibayar sebelum 1 Januari 2004 masih dipermodalkan dan dilunaskan ke penyata kewangan selama tempoh pinjaman sewa beli menggunakan kaedah 'jumlah angka'. Pertukaran polisi perakaunan ini telah diambil kira secara propektif dan menyebabkan kenaikan dalam yuran pengendalian yang dicaj ke penyata kewangan untuk tahun kewangan sebanyak RM18.2 juta.



Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Pengiktirafan Pendapatan Yuran Dan Lain-Lain Pendapatan

Yuran mengatur pinjaman, pengurusan dan penyertaan, komisyen penerimaan dan pemfaktoran, komisyen tata jamin dan kontrak niaga hadapan dan yuran brokeraj diiktiraf sebagai pendapatan setelah perjanjian ditandatangani.

Yuran khidmat nasihat dan kegiatan kewangan korporat diiktiraf sebagai pendapatan setelah selesai setiap peringkat urusan.

Yuran pengurusan pelaburan, amanah harta tanah dan unit amanah, agensi dan yuran penglibatan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut pembahagian masa.

Pendapatan daripada jualan unit-unit amanah diiktiraf selepas peruntukan unit-unit, selepas kos jualan unit-unit.

Keuntungan dan kerugian penjualan pelaburan diiktiraf dalam penyata kewangan.

Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan apabila jaminan dikeluarkan dan, di mana jangkamasa jaminan melebihi setahun, sepanjang tempoh jaminan.

Sewa kelengkapan dan harta tanah diiktiraf berdasarkan akruan.

Dividen dari sekuriti perniagaan dan pelaburan diiktiraf bila diterima. Dividen dari syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf bila hak untuk menerima bayaran ditentukan .

Pendapatan premium dari perniagaan insurans am (ditolak semua insurans semula) diiktiraf selepas risiko ditanggung dan bagi perniagaan perjanjian masuk, pada tarikh penerimaan akaun. Pendapatan premium dari kargo perkapalan, kargo penerbangan dan perniagaan pengangkutan dalam negeri ditentukan selepas mengambilkira premium belum diperolehi pada kadar 25% premium tertulis. Pendapatan premium dari lain-lain perniagaan insurans am diiktiraf berdasarkan kaedah 1/24 dari tarikh permulaan.

Pendapatan premium dari perniagaan insurans nyawa (ditolak semua insurans semula) diiktiraf selepas risiko ditanggung dan premium kemudiannya diiktiraf pada tarikh perlu dibayar. Premium belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira diiktiraf sebagai pendapatan jika bayaran tersebut masih dalam jangkamasa dibenarkan.

Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan dan kerugian untuk tahun kewangan terdiri daripada pencukaian tertunda dan semasa. Pencukaian diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali hingga ke peringkat jika berkenaan dengan butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti, yang mana pencukaian akan diiktiraf dalam ekuiti.

Pencukaian semasa ditentukan mengikut bidang kuasa undang-undang pencukaian di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan bercukai.

Pencukaian tertunda dibuat, mengikut kaedah tanggungan, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas pencukaian bagi aset dan tanggungan dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Secara prinsip, tanggungan pencukaian tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan pencukaian tertunda aset diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh diberi potongan cukai dan kerugian yang belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan bercukai akan wujud untuk digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian pencukaian yang belum digunakan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi ihsan yang tidak diberi potongan bagi tujuan pencukaian cukai dan pengiktirafan permulaan bagi aset dan tanggungan di mana pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan atau pencukaian. Jumlah pencukaian tertunda dibuat berdasarkan cara realisasi dijangka akan berlaku atau penjelasan nilai buku aset dan tanggungan, mengikut kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Ini mewakili hasil kutipan daripada pinjaman-pinjaman perumahan, sewa beli dan pajakan belum terima (tidak termasuk pembiayaan Islam) yang dijual secara langsung atau tidak langsung kepada Cagamas Berhad dengan rekursa kepada syarikat subsidiari perbankan saudagar, AmMerchant Bank Berhad, syarikat subsidiari perbankan komersil, AmBank Berhad dan syarikat subsidiari kewangan tidak langsung, AmFinance. Di bawah perjanjian ini, syarikat-syarikat subsidiari berjanji untuk mentadbirkan pinjaman-pinjaman tersebut bagi pihak Cagamas Berhad dan membeli semula sebarang pinjaman yang dianggap defektif berdasarkan pada kriteria berkhemat. Untuk pinjaman dijual secara tidak langsung, AmMerchant Bank bertindak sebagai institusi kewangan perantara dengan rekursa Syarikat Asal.



Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

21. Lain-Lain Tanggungan

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pemiutang perniagaan	305,485	-	66,644	-
Lain-lain pemiutang dan akruan	976,844	1,224	696,643	1,106
Faedah belum bayar bagi deposit dan pinjaman	262,097	2,563	281,383	2,525
Amaun belum bayar kepada Danamodal	-	-	171,869	-
Deposit pajakan dan sewa pendahuluan	60,179	-	68,467	-
Dana-dana insurans:				
Perniagaan insurans am	133,867	-	85,957	-
Perniagaan insurans nyawa	635,940	-	462,977	-
Peruntukan untuk penglibatan dan tanggungan luar jangka	92,500	-	55,500	-
Overdraf bank	56,317	-	21,988	-
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	-	156	-	219
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat bersekutu	116	-	389	-
Rizab persamaan keuntungan	54,312	-	6,442	-
Tanggungan pencukaian tertunda (Nota (b))	305	-	1,636	-
Cukai belum bayar	8,898	-	6,835	-
	2,586,860	3,943	1,926,730	3,850

Pemiutang perniagaan berkaitan dengan kegiatan syarikat-syarikat subsidiari pembrokeran stok dan saham, mewakili amaun belum bayar di bawah kontrak penjualan tertunggak.

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Termasuk dalam lain-lain pemiutang dan akruan bagi Kumpulan adalah seperti berikut:		
Jumlah terhutang kepada pengansurans dan penginsurans semula dan agen-agen	36,243	27,258
Rizab premium perjanjian dipegang	1,376	1,138
Tuntutan insurans belum dijelaskan	188,965	148,992
Pergerakan dalam peruntukan penglibatan dan tanggungan luar jangka adalah seperti berikut:		
Baki pada awal tahun	55,500	71,500
Peruntukan bagi tahun	37,000	-
Jumlah dimasuk kira semula (Nota 36)	-	(16,000)
Baki pada akhir tahun	92,500	55,500

Overdraf bank, berkaitan dengan syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar dan menanggung kadar faedah antara 7.0% ke 8.5% (2003 - 7.15% ke 8.4%) setahun.

Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari adalah berkecuali dari faedah dan mewakili perbelanjaan yang dibayar bagi pihak.

Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat bersekutu adalah berkecuali dari faedah dan mewakili perbelanjaan yang dibayar bagi pihak.

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Pergerakan dalam rizab persamaan keuntungan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal tahun	6,442	-
Peruntukan bagi tahun	51,865	8,586
Amaun masuk kira semula bagi tahun	(3,995)	(2,144)
Caj bersih kepada penyata pendapatan	47,870	6,442
Baki pada akhir tahun	54,312	6,442

22. Pinjaman Berjangka

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Tidak bercagar:				
Matang dalam tempoh setahun				
Institusi kewangan tempatan	341,000	224,000	412,750	224,000
Bank luar pesisir	304,000	-	380,000	-
	645,000	224,000	792,750	224,000

Pinjaman berjangka diperolehi daripada institusi kewangan tempatan menanggung kadar faedah antara 5.0% ke 7.95% (2003 - 4.7% ke 8.4%) setahun. Pinjaman berjumlah RM104,500,000 (2003 - RM156,250,000) dijamin oleh Syarikat.

Pinjaman berjangka tidak bercagar diperolehi daripada bank luar pesisir asing menanggung kadar faedah berbeza dari 0.6% ke 1.17% atas LIBOR dan akan dibayar balik sepenuhnya dalam tempoh setahun. Pinjaman tidak bercagar diperolehi daripada bank luar pesisir asing pada kadar faedah 0.6% atas LIBOR berjumlah RM190,000,000 telah dibayar balik sepenuhnya dalam tahun kewangan.

23. Sijil Deposit Bersubordinat

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal dan akhir tahun	200,000	200,000
Tolak:		
Diskaun belum dilunaskan	(2,582)	(3,936)
	197,418	196,064

Sijil Deposit Bersubordinat (SCD) diterbitkan oleh syarikat subsidiari perbankan saudagar, AmMerchant Bank, mewakili RM200,000,000 amaun nominal Sijil Deposit Bersubordinat Boleh Niaga (NSCD) yang diterbitkan pada diskaun sebanyak RM6,750,600 bagi jumlah ganjaran sebanyak RM193,249,400. Kenaikan diskaun sebanyak RM6,750,600 akan diagihkan sama rata selama lima tahun. NSCD mempunyai kadar kupon 8.0% setahun bagi 5 tahun pertama dan boleh ditebus pada 1 Mac 2006 atau pada setiap tarikh ulang tahun selepas itu pada nilai nominal. Selepas itu, kadar faedah bagi tahun 6 ialah 9.00% setahun dan akan meningkat sebanyak 0.5% setahun untuk tahun 7 hingga 10.

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

24. Pinjaman Berjangka Bersubordinat

- (a) Pinjaman berjangka bersubordinat berjumlah RM75,000,000 daripada Lembaga Simpanan Wang Pekerja, berkaitan dengan syarikat subsidiari perbankan komersil, AmBank, adalah tidak bercagar, bersubordinat kepada lain-lain tanggungan dan diperolehi untuk mengukuhkan kedudukan kecukupan modal. Pinjaman tersebut menanggung kadar faedah 8.5% setahun bagi lima tahun pertama dan di antara 8.75% ke 9.5% setahun bagi lima tahun berikutnya dan telah dibayar balik sepenuhnya dalam tahun kewangan.
- (b) Pinjaman berjangka bersubordinat berjumlah RM680,000,000 berkaitan dengan syarikat subsidiari kewangan tidak langsung, AmFinance, adalah tidak bercagar, bersubordinat kepada lain-lain tanggungan dan diperolehi daripada Danamodal Nasional Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan bertujuan untuk permodalan semula intitusi perbankan dan institusi kewangan tempatan, bagi mengukuhkan dasar modal AmFinance. Pinjaman tersebut menanggung kadar faedah 7.5% setahun bagi tahun-tahun sebelum dan faedah telah dibayar pada setiap bulan.

Berdasarkan kepada pemerolehan AmFinance oleh syarikat subsidiari kewangan langsung, AMFB pada 20 Disember 2001, Danamodal Nasional Berhad telah melanjutkan pinjaman tersebut untuk tempoh 10 tahun lagi dan akan dibayar balik pada 20 Disember 2011. Pinjaman tersebut menanggung kadar faedah 6.5% setahun bagi lima tahun pertama dan 7.5% setahun atau 1.0% di atas KLIBOR 3 bulan, yang mana lebih tinggi, untuk tempoh lima tahun berikut. Faedah akan dibayar setiap setengah tahun.

Pada 28 Oktober 2003, AmFinance telah memasuki Perjanjian Kemudahan Tambahan dengan Danamodal Nasional Bhd dimana sebanyak RM680 juta Pinjaman Berjangka Bersubordinat yang diperolehi dari Danamodal telah diserahkan haknya kepada Astute Aset Berhad.

Syarat dan terma-terma pinjaman adalah sama, kecuali faedah yang dikenakan ke atas pinjaman pada kadar 6.5% setahun sehingga 19 Disember 2006, 7.0% setahun daripada 20 Disember 2006 sehingga 19 Disember 2007, dan 7.5% setahun daripada 20 Disember 2007 sehingga 19 Disember 2011.

25. Pinjaman Modal Boleh Ditukar Bersubordinat

Pinjaman Modal Boleh Ditukar Bersubordinat (ESCL) berkaitan dengan syarikat subsidiari perbankan komersil, AmBank Berhad (AmBank), adalah tidak bercagar dan diperolehi daripada Danamodal Nasional Berhad, untuk mengukuhkan modal dasar AmBank. ESCL menanggung faedah sebanyak 7.5 % setahun. ESCL telah dibayar balik sepenuhnya pada 30 September 2003.

26. Bon Boleh Tebus Dan Tidak Bercagar

Bon Boleh Tebus Dan Tidak Bercagar bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
3.0% 5-Tahun Bon Jaminan Bank, Boleh Tebus dan Tidak Bercagar 2002/2007	138,325	138,325	135,159	135,159
Bon Bersubordinat Boleh Tebus Dan Tidak Bercagar	660,000	-	-	-
	798,325	138,325	135,159	135,159

(a) 3.0% 5-TAHUN BON JAMINAN BANK, BOLEH TEBUS DAN TIDAK BERKAGAR 2002/2007 (3.0% Bon 2007)

	Kumpulan dan Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal tahun	150,000	-
Terbitan dalam tahun	-	150,000
Baki pada akhir tahun	150,000	150,000
Tolak: Diskaun tidak dilunas	(11,675)	(14,841)
	138,325	135,159

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 29 November 2002 dan Surat Ikatan Pol bertarikh 29 November 2002, Syarikat telah menerbitkan RM150,000,000 amaun nominal 3.0% Bon 2007 bersama dengan hak tidak boleh batal untuk memperuntukan 125,201,248 Waran 2003/2008 atas dasar 'deal belian' kepada dua pelanggan utama.

Selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 29 November 2002 dan 29 Januari 2003, kedua-dua pelanggan utama telah ditawarkan untuk menjual hak sementara peruntukan 125,201,248 Waran 2003/2008 kepada para pemegang saham Syarikat atas dasar perlepasan hak sebanyak satu (1) Waran 2003/2008 bagi setiap lapan (8) saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam Syarikat pada jam 5.00 petang pada 22 Januari 2003 pada harga tawaran 12.37 sen bagi setiap Waran 2003/2008 dibayar penuh semasa penerimaan.

Ciri-ciri utama Bon 2007 adalah seperti berikut:-

- (a) 3.0% Bon 2007 menanggung kadar faedah 3.0% setahun berdasarkan amaun nominal Bon 2007, dibayar setiap setengah tahun tertunggak dan berdasarkan jumlah sebenar hari yang berlalu dalam satu tahun yang mengandungi 365 hari.
- (b) 3.0% Bon 2007 akan ditebus pada nilai nominal pada tarikh matang bersama dengan faedah terakru sehingga tarikh penebusan.
- (c) Tempoh 3.0% Bon 2007 ialah lima tahun kalendar dan akan matang pada 13 Disember 2007.

(b) BON BERSUBORDINAT BOLEH TEBUS DAN TIDAK BERKAGAR

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal tahun	-	-
Diterbitkan dalam tahun	660,000	-
Baki pada akhir tahun	660,000	-

- (i) Selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 24 April 2003, AmFinance menertbitkan RM200,000,000 amaun nominal Bon Bersubordinat Boleh Runding Boleh Tebus Tidak Berkagar Berfaedah (SubBonds) bertujuan menambah dana modal AmFinance.

Ciri-ciri utama SubBonds adalah seperti berikut:

- (a) SubBon menanggung kadar faedah 7.95% setahun untuk lima tahun pertama dan pada tahun berikutnya pada 8.45% kepada 10.45% setahun dan akan dibayar setiap setengah tahun.
 - (b) SubBon akan ditebus pada 30 April 2008 atau pada setiap tarikh ulang tahun berikutnya pada nilai nominal bersama dengan faedah terakru sehingga tarikh penebusan.
 - (c) Tempoh SubBon adalah sepuluh tahun dan akan matang pada 30 April 2013. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kelulusan awal Bank Negara Malaysia, Syarikat boleh menebus SubBon pada 30 April 2008 atau pada setiap tarikh ulang tahun berikutnya.
- (ii) Selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 23 September 2003, AmMerchant Bank menerbitkan RM460,000,000 amaun nominal Bon Boleh Tebus Dan Tidak Berkagar Bersubordinat (SubBon) bertujuan memberi RM460,000,000 pinjaman berjangka bersubordinat tidak berkagar selama 10 tahun kepada AmBank, bank komersil berlesen berkaitan bertujuan membiayai semula RM460,000,000 pinjaman modal bersubordinat boleh tukar kepada Danamodal Nasional Berhad.

Ciri-ciri utama SubBon adalah seperti berikut:

- (a) SubBon menanggung kadar faedah 6.5% setahun untuk lima tahun pertama dan pada 7.0% hingga 9.0% setahun atau 3% ke atas hasil dari Sekuriti Kerajaan Malaysia 5-tahun, yang mana lebih tinggi. Dan faedah akan dibayar setiap setengah tahun.
- (b) SubBon akan ditebus pada 30 September 2008 atau pada setiap tarikh ulang tahun bersama dengan faedah terakru sehingga tarikh penebusan.
- (c) Tempoh SubBon adalah sepuluh tahun dan akan matang pada 30 September 2013. Walaubagaimanapun, tertakluk kepada kelulusan awal Bank Negara Malaysia, Bank boleh menebus SubBon pada 30 September 2008 atau pada setiap tarikh ulang tahun berikutnya.

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

27. Waran Saham

Waran 1997/2007 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 19 Mac 1997.

Ciri-ciri utama Waran 1997/2007 adalah seperti berikut:

- Setiap Waran 1997/2007 memberikan hak kepada pemegang yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- Harga pelaksanaan adalah RM6.51 sesaham, timbul dari pelarasan Terbitan Bonus dan Hak seperti yang disebut dalam Nota 29, dan boleh dibayar keseluruhannya dengan wang tunai, atau sebahagian dengan wang tunai dan bakinya dengan penyerahan Bon 1997/2002, dalam berbagai kombinasi, atau keseluruhannya dengan penyerahan Bon 1997/2002 bagi setiap Waran 1997/2007 dipegang selepas setahun dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 1997/2007 adalah tertakluk kepada pelarasan dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- Tempoh Waran 1997/2007 adalah untuk jangka masa permulaan lima tahun kalender. Jangka masa ini telah dilanjutkan untuk lima tahun lagi dan akan matang pada 13 Mei 2007.

RM435,061,855 amaun nominal Bon 1997/2002 Syarikat telah ditebus sepenuhnya pada 13 Mei 2002.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 1997/2007 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah waran	87,012,370	-	56,521,708	- 143,534,078

Waran 2003/2008 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 29 November 2002 dan 29 Januari 2003.

Ciri-ciri utama Waran 2003/2008 adalah seperti berikut:

- Setiap Waran 2003/2008 memberikan hak kepada pemegang yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- Harga pelaksanaan adalah RM2.19 sesaham, timbul dari pelarasan Terbitan Bonus dan Hak seperti yang disebut dalam Nota 29, dan dibayar penuh secara wang tunai bagi setiap Waran 2003/2008 dipegang dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 2003/2008 adalah tertakluk kepada pelarasan di dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- Tempoh Waran 2003/2008 adalah untuk jangka masa permulaan lima tahun kalender dan akan matang pada 20 Mac 2008.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 2003/2008 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2004
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah waran	125,201,248	-	79,557,942	2,740,335 202,018,855

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Selaras dengan terbitan Bonus dan Hak, harga dan jumlah pelaksanaan Waran 1997/2007 dan Waran 2003/2008 Syarikat telah diselaraskan seperti berikut:-

- (a) Pelarasan kepada harga pelaksanaan Waran 1997/2007 daripada RM10.73 sesaham kepada RM6.51 sesaham dan kenaikan tambahan 56,521,708 Waran 1997/2007 timbul daripada pelarasan Terbitan Bonus dan Hak.
- (b) Pelarasan kepada harga pelaksanaan Waran 2003/2008 daripada RM3.60 sesaham kepada RM2.19 sesaham dan kenaikan tambahan 79,557,942 Waran 2003/2008 timbul daripada pelarasan Terbitan Bonus dan Hak.
- (c) Kenaikan 136,079,650 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham akan diterbitkan, apabila pelaksanaan 56,521,708 tambahan Waran 1997/2007 dan 79,557,942 tambahan Waran 2003/2008 seperti (a) dan (b) di atas.

28. Kepentingan Minoriti

Kepentingan minoriti dalam Kumpulan merupakan kepentingan bahagian keputusan operasi bersih atau bahagian aset bersih syarikat-syarikat subsidiari kepada saham-saham dan debentur yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung selain daripada yang dimiliki oleh Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari.

Pergerakan kepentingan minoriti dalam syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal tahun		
- Dinyatakan sebelum ini	773,030	726,550
- Pelarasan tahun lepas (Nota 53)	38,811	36,207
Seperti yang dinyatakan	811,841	762,757
Bahagian keuntungan bersih syarikat subsidiari		
- Tahun semasa/Dinyatakan sebelum ini	174,544	122,844
- Pelarasan tahun lepas	-	2,604
Seperti yang dinyatakan	174,544	125,448
Saham diterbitkan di bawah skim opsyen saham pekerja dan perubahan ICULS 1997/2002 dalam syarikat subsidiari kewangan	1,156	310
Dividen diterima/akan diterima	(18,983)	(2,008)
Saham diterbitkan di bawah perubahan ICULS dalam syarikat subsidiari oleh Syarikat	-	18,030
Timbul atas pemerolehan Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd sebagai syarikat subsidiari AmMerchant Bank	-	231
Penjualan saham dalam syarikat subsidiari tidak langsung dan langsung	-	(92,927)
Baki pada akhir tahun	968,558	811,841

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

29. Modal Saham

	Kumpulan Dan Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Dibenarkan:		
Saham-saham bernilai RM1.00 setiap satu		
Baki pada awal tahun	2,000,000	2,000,000
Diterbitkan dalam tahun	3,000,000	-
	5,000,000	2,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh:		
Saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu		
Baki pada awal tahun	1,001,719	916,969
Diterbitkan dalam tahun kewangan berikutan:		
- Skim Opsyen Saham Pekerja	45,128	10,329
- Waran 2003/2008	2,740	-
- Terbitan Bonus	505,762	-
- Terbitan Hak	303,457	-
- Pemerolehan 20% baki kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari perbankan komersil	-	35,496
- Pengubahan ICULS 1997/2002	-	38,925
	1,858,806	1,001,719

Dalam tahun kewangan, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan dibayar penuh telah meningkat daripada 1,001,718,987 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu kepada 1,858,806,070 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan penerbitan:

- (i) 45,127,838 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga antara RM2.16 hingga RM4.73 sesaham sebelum Terbitan Bonus dan Hak dan RM1.57 hingga RM2.94 sesaham selepas Terbitan Bonus dan Hak menerusi pelaksanaan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat (Skim ESOS). Premium saham yang terhasil berjumlah RM67,600,556 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (ii) 2,740,335 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga RM3.60 sesaham sebelum Terbitan Bonus dan Hak dan RM2.19 sesaham selepas Terbitan Bonus dan Hak timbul dari pelaksanaan saham Syarikat Waran 2003/2008. Premium saham terhasil berjumlah RM7,106,987 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (iii) 505,761,819 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu timbul dari Terbitan Bonus.
- (iv) Terbitan Hak sebanyak 303,457,091 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga RM1.10 sesaham pada kadar satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu untuk setiap lima (5) saham biasa yang sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu dipegang di dalam Syarikat selepas Terbitan Bonus. Premium saham terhasil berjumlah RM30,345,709 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

Kesemua 857,087,083 saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dengan saham Syarikat yang sedia ada, kecuali saham biasa baru yang diterbitkan mengikut ESOS Syarikat, saham Waran 2003/2008, Terbitan Bonus dan Hak di atas tidak layak untuk menerima dividen yang diisytiharkan bagi tahun kewangan 31 Mac 2003.

Di bawah Skim ESOS Syarikat di mana opsyen untuk melanggan 87,034,050 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu di dalam Syarikat telah disediakan untuk para pengarah dan para pekerja Syarikat dan syarikat subsidiari yang berkecuali, kecuali para pengarah eksekutif yang mewakili Kerajaan atau agensi-agensi dan institusi-institusi Kerajaan dan pekerja Kerajaan yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan awam di bawah Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan dan para pengarah eksekutif AmSecurities Sdn Bhd yang layak menyertai skim saham syarikat mereka masing-masing.

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Sepanjang tahun kewangan, jumlah opsiyen saham yang dilanggan meningkat daripada 87,034,050 kepada 117,853,371 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu dalam Syarikat timbul daripada terbitan saham-saham biasa baru, terbitan Bonus dan Hak, pelaksanaan opsiyen saham dan saham Waran 2003/2008.

Ciri-ciri utama Skim ESOS adalah seperti berikut:

- (a) Mereka yang berkelayakan adalah para pekerja tetap termasuk para pengarah eksekutif sepenuh masa Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang telah bekerja tidak kurang daripada tiga tahun.
- (b) Jumlah bilangan saham ditawarkan tidak boleh melebihi 10.0% daripada modal yang diterbitkan dan dibayar penuh Syarikat dalam jangka masa Skim tersebut wujud.
- (c) Tertakluk kepada perenggan (d) di bawah, tiada opsiyen akan diberi kurang dari 1,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham.
- (d) Jika terdapat sebarang pengubahan dalam struktur modal Syarikat kecuali pengecualian tertentu, pelarasan akan dibuat terhadap harga langganan dan/atau bilangan saham bagi opsiyen yang diberi tetapi belum dilaksanakan, supaya pemegang opsiyen akan berhak menerima bahagian yang sama bagi saham Syarikat yang diterbitkan dan dibayar penuh sebelum pengubahan tersebut.
- (e) Harga opsiyen bagi saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu adalah pada diskaun yang tidak melebihi sepuluh peratus (10.0%) daripada harga pasaran urus niaga terkini pada masa opsiyen itu diberi atau mengikut purata min sebut harga pasaran saham Syarikat seperti disenaraikan dalam Senarai Harian terbitan Bursa Malaysia Securities Berhad bagi lima hari pasaran sebelum tarikh tawaran, atau pada nilai par bernilai RM1.00 setiap satu, yang mana lebih tinggi.
- (f) Tempoh opsiyen ialah lima tahun kalender dan akan matang pada 8 Oktober 2004.
- (g) Mereka yang diberi opsiyen di bawah Skim tidak berhak menyertai sebarang skim opsiyen saham syarikat lain dalam Kumpulan.

Syarikat telah diberi pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia daripada syarat untuk melaporkan nama-nama mereka yang telah diberi opsiyen kurang daripada 100,000 opsiyen dan butir-butiran pegangan mereka dalam tahun kewangan. Pemegang opsiyen yang masih ada adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu				Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan	
Lee Yew Kin	156,000	-	101,340	235,000	22,340
Pushparani A/P A. Moothathamby	184,000	-	119,527	-	303,527
Mohamed Azmi Mahmood	200,000	-	129,924	-	329,924
Mustafa Mohd Nor	244,000	-	132,521	230,200	146,321

Juruaudit luar telah mengesahkan pembahagian opsiyen yang diberi dalam tahun kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Pergerakan bilangan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah opsiyen dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu					Baki pada 31.3.2004
	Baki pada 1.4.2003	Diberi	Pelarasan untuk Terbitan Hak dan Bonus	Dilaksanakan	Dilucutkan	
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah opsiyen	46,971,000	65,000	25,498,901	45,127,838	943,530	26,463,533

Harga opsiyen untuk bilangan saham Syarikat belum diterbitkan di bawah Skim adalah seperti berikut:

Harga Opsiyen (RM)	Baki pada 31.3.2004
1.01 – 2.00	1,409,626
2.01 – 3.00	16,109,178
3.01 – 4.00	2,864,436
4.01 – 5.00	6,080,293
	26,463,533

30. Rizab

Rizab pada 31 Mac 2004 dianalisiskan seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Rizab tidak boleh diagihkan:				
Rizab modal	125,284	-	140,771	15,487
Premium saham	263,058	263,058	648,280	648,280
Rizab berkanun	1,164,073	-	895,385	-
Rizab penilaian semula	-	532,154	-	532,154
Rizab perubahan pertukaran mata wang	19,604	-	19,827	-
Jumlah rizab tidak boleh diagihkan	1,572,019	795,212	1,704,263	1,195,921
Rizab boleh diagihkan:				
Keuntungan tidak diagihkan	676,648	244,516	757,677	237,831
Jumlah Rizab	2,248,667	1,039,728	2,461,940	1,433,752

Pergerakan rizab adalah ditunjukkan dalam penyata perubahan ekuiti.

Rizab modal adalah berkaitan dengan penurunan dan peningkatan aset bersih Kumpulan yang timbul dari terbitan saham di bawah Skim Opsiyen Saham Pekerja dan pengubahan Stok Pinjaman Tidak Boleh Tebus Boleh Tukar dan Tidak Bergagar syarikat-syarikat subsidiari dan pemodal bagi terbitan bonus.

Premium saham adalah digunakan untuk mencatat premium yang timbul dari terbitan saham baru Syarikat.

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Rizab berkanun syarikat-syarikat subsidiari perbankan saudagar, perbankan komersil dan syarikat subsidiari kewangan adalah dikekalkan bagi mematuhi peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan, 1989 dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen tunai.

Rizab penilaian semula adalah digunakan untuk mencatat kenaikan dan penurunan dalam penilaian semula pelaburan syarikat-syarikat subsidiari, seperti diterangkan dalam polisi perakaunan.

Perbezaan untuk pertukaran mata wang timbul dari pertukaran mata wang syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu asing adalah diambil kira dalam rizab perubahan pertukaran mata wang, seperti diterangkan dalam polisi perakaunan.

Rizab boleh diagihkan adalah rizab-rizab yang boleh diagihkan sebagai dividen.

Pada 31 Mac 2004, Syarikat mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108 dan pendapatan dikecualikan dari cukai seperti yang diterangkan dalam Nota 39 untuk membiayai lebih kurang RM337,773,000 (2003 - RM229,422,000) daripada keuntungan Syarikat tidak diagihkan pada tarikh tersebut. Pembiayaan dividen lebih daripada jumlah tersebut akan mengakibatkan caj cukai dan dikira pada kadar 28.0% (2003 - 28.0%) ke atas jumlah kasar dividen lebihan tersebut.

31. Pendapatan Faedah

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Dana jangka pendek dan deposit dengan institusi kewangan	139,603	2,050	114,125	2,705
Sekuriti perniagaan	136,254	-	152,608	-
Sekuriti pelaburan	130,450	117	114,371	-
Pinjaman dan pendahuluan	2,921,827	-	3,422,135	-
Pelaburan ICULS	23,782	7,220	20,694	12,659
Pinjaman berjangka bersubordinat tidak bercagar	-	-	-	601
Lain-lain	43,688	36	41,672	-
Pendapatan faedah kasar	3,395,604	9,423	3,865,605	15,965
Pelunasan premium tolak tambahan diskaun	10,507	-	959	-
Jumlah sebelum faedah tergantung	3,406,111	9,423	3,866,564	15,965
Faedah tergantung	(687,863)	-	(951,158)	-
Faedah tergantung dibayar balik	335,777	-	302,480	-
Faedah tergantung bersih	(352,086)	-	(648,678)	-
Jumlah selepas faedah tergantung	3,054,025	9,423	3,217,886	15,965

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

32. Perbelanjaan Faedah

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Deposit daripada pelanggan	1,105,529	-	1,100,690	-
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	91,135	-	145,464	-
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	49,367	-	30,940	-
Amaun di hutang kepada Cagamas Berhad	158,256	-	161,801	-
Pinjaman bank:				
Pinjaman berjangka	26,664	12,515	39,189	17,155
Overdraf bank	2,830	-	3,788	-
Deposit bersubordinat dan pinjaman berjangka	64,344	-	68,227	-
Faedah ESCL	17,297	-	34,500	-
Faedah Bon	22,305	7,678	4,849	4,849
Faedah atas jumlah dibayar balik	7,859	-	8,069	-
Lain-lain	83,690	3,304	72,257	1,098
	1,629,276	23,497	1,669,774	23,102

33. Kerugian Pinjaman Dan Pembiayaan Dan Peruntukan

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan:		
Peruntukan am	9,875	11,386
Peruntukan tertentu – bersih	1,066,485	869,540
	1,076,360	880,926
Hutang lapuk dan pembiayaan:		
Dihapuskan	3,670	4,342
Dibayar balik	(296,321)	(135,742)
	(292,651)	(131,400)
Peruntukan bagi pengurangan nilai ke atas jumlah boleh dibayar balik daripada Danaharta	80,634	137,776
Kerugian penjualan aset pinjaman	1,245	-
	865,588	887,302

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

34. Pendapatan Bukan Faedah

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pendapatan yuran:				
Pinjaman dan pendahuluan	63,952	-	52,721	-
Komisen tata jamin	8,537	-	5,786	-
Pengurusan portfolio	8,492	-	7,723	-
Pengurusan amanah saham	24,966	-	21,133	-
Rebet brokeraj	17,399	-	12,032	-
Nasihat korporat	21,174	-	28,584	-
Jaminan	21,239	283	22,731	526
Pengurusan amanah harta tanah	1,951	-	1,865	-
Brokeraj dan komisen	74,067	-	35,810	-
Lain-lain	45,179	-	39,921	1
	286,956	283	228,306	527
Pendapatan pelaburan dan perniagaan:				
Pendapatan bersih perniagaan sekuriti pasaran wang:				
Sekuriti perniagaan	66,701	-	136,493	-
Sekuriti pelaburan	(2,112)	-	5,350	-
Pendapatan bersih perniagaan derivatif	(2,914)	-	8,956	-
Keuntungan/(Kerugian) bersih jualan pelaburan disebut harga - bersih	26,449	-	(6,871)	-
Keuntungan penebusan pelaburan tidak disebut harga	-	-	93	-
Keuntungan bersih jualan pelaburan tidak disebut harga - bersih	10,385	-	3,105	-
Pendapatan dividen kasar daripada:				
Syarikat-syarikat subsidiari:				
Disebut harga di Malaysia	-	33,999	-	29,880
Tidak disebut harga	-	50,817	-	52,500
Pelaburan disebut harga di Malaysia	12,953	-	12,470	-
Pelaburan tidak disebut harga	43,646	-	3,836	-
	155,108	84,816	163,432	82,380
Pendapatan premium perniagaan insurans nyawa dan am	445,807	-	291,807	-
Lain-lain pendapatan:				
Keuntungan pertukaran mata wang asing direalisasi	2,857	-	4,910	-
Keuntungan bersih jualan aset pajakan	8	-	14	-
Keuntungan bersih jualan harta dan kelengkapan	1,379	-	1,231	-
Pendapatan sewa	9,486	-	10,457	-
Lain-lain	6,174	-	2,623	-
	19,904	-	19,235	-
	907,775	85,099	702,780	82,907

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

35. Peruntukan Penglibatan Dan Tanggungan Luar Jangka

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Peruntukan am/(Masuk kira semula peruntukan am) penglibatan dan tanggungan luar jangka	37,000	(16,000)

36. Perbelanjaan Bukan Faedah

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Kos perjawatan/pekerja	411,839	2,821	369,283	1,611
Kos perjabatan	223,036	7	255,612	17
Perbelanjaan pemasaran dan komunikasi	292,224	589	197,176	497
Perbelanjaan pentadbiran dan am	121,356	3,861	91,788	3,625
	1,048,455	7,278	913,859	5,750
Tuntutan insurans nyawa dan am	177,863	-	106,838	-
Tambahan dalam dana insurans	172,825	-	91,287	-
	1,399,143	7,278	1,111,984	5,750

Termasuk dalam perbelanjaan di atas adalah pendedahan berkanun seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Ganjaran pengarah (Nota 38)	6,484	2,776	3,940	1,531
Sewa pejabat	37,237	-	39,225	-
Susut nilai harta dan kelengkapan (Nota 15)	83,736	7	115,920	18
Harta dan kelengkapan dihapuskan	249	-	672	-
Pelunasan ihsan berpunca dari penyatuan (Nota 11 dan 14)	14,327	-	13,787	-
Sewa kenderaan bermotor dan perkakas pejabat	3,424	-	2,404	-
Ganjaran juruaudit:				
Audit berkanun				
Semasa	844	30	844	30
Peruntukan terkurang tahun-tahun lepas	-	-	103	-
Audit khas				
Semasa	220	14	381	14
Peruntukan terkurang tahun-tahun lepas	-	-	168	14
Yuran bukan audit	32	5	83	65
Peruntukan untuk harta-harta dirampas	4,464	-	-	-
Pelbagai hutang lapuk dihapuskan	332	-	1,261	-

Jumlah pekerja dalam Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2004 adalah masing-masing 8,776 (2003 – 8,285) dan 1 (2003 -1).

Kos pekerja termasuk gaji, bonus, sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pekerja. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kumpulan dan Syarikat masing-masing berjumlah RM45,474,380 (RM40,184,318 dalam 2003) dan RM342,000 (RM134,400 dalam 2003).

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

37. Baki Dan Urus Niaga Penting Dengan Pihak-Pihak Berkaitan

(a) Baki dan urus niaga penting dengan syarikat-syarikat subsidiari

Baki belum bayar dan urus niaga penting antara Syarikat dengan syarikat-syarikat subsidiari dihapuskan apabila disatukan adalah seperti berikut:

	2004 RM'000	2003 RM'000
Pendapatan/(Perbelanjaan)		
Faedah atas:		
Deposit	2,050	2,705
Pelaburan ICULS	7,220	12,659
Pinjaman berjangka bersubordinat tidak bercagar	-	601
Pendapatan dividen kasar	84,816	82,380
Yuran jaminan	283	526
	94,369	98,871
Aset		
Akaun semasa	4,130	830
Wang atas panggilan dan deposit	30,616	36,882
Deposit dengan institusi kewangan	99,339	18,026
Jumlah terhutang dari syarikat-syarikat subsidiari	7,681	7,881
Stok Pinjaman Berfaedah, Tidak Boleh Ubah dan Tidak Bercagar 2002 – pada kos	-	120,000
	141,766	183,619

Urus niaga di atas telah dibuat dalam keadaan perniagaan biasa dan disediakan pada terma dan keadaan yang tidak kurang daripada yang disediakan bagi pihak ketiga yang tidak berkaitan.

(b) Urus niaga berkaitan dengan para pengarah

Urus niaga bukan perbankan penting Kumpulan dengan syarikat-syarikat di mana Tan Sri Dato' Azman Hashim dianggap mempunyai kepentingan besar, adalah seperti berikut:

Syarikat	Jenis-jenis transaksi	2004 RM'000	2003 RM'000
Perbelanjaan			
Harpers Travel (M) Sdn Bhd	Perbelanjaan perjalanan	545	376
Paragon Premiums Sdn Bhd	Pengiklanan	1,580	115
Conquest Marketing Sdn Bhd	Pengiklanan	707	2,795
Dialog Marketing Communications Sdn Bhd	Pengiklanan	-	548
Jump Licensing & Merchandising Sdn Bhd	Pengiklanan	-	75
AON Insurance Brokers (M) Sdn Bhd	Premium insurans	3,243	104
Arab-Malaysian Property Trust Funds	Sewa bangunan	15,188	13,033
Dion Realities Sdn Bhd	Sewa bangunan	3,317	3,626

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

Syarikat	Jenis-jenis transaksi	2004 RM'000	2003 RM'000
Perbelanjaan			
Troosts Sdn Bhd	Sewa bangunan	266	271
Syarikat Kompleks Damai Sdn Bhd	Sewa bangunan	962	625
Medan Delima Sdn Bhd	Sewa bangunan	290	290
Arab-Malaysian Realty Sdn Bhd	Sewa bangunan	234	235
Melawangi Sdn Bhd	Sewa bangunan	-	144
Taifab Properties Sdn Bhd	Sewa bangunan	193	177
MCM Consulting Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Gamarapi Sdn Bhd)	Penyelenggaraan komputer	2,218	1,956
Bluestar Infotech (M) Sdn Bhd	Penyelenggaraan komputer	1,569	1,358
Cyber Village Sdn Bhd	Penyelenggaraan komputer	-	35
Perbelanjaan modal			
MCM Consulting Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Gamarapi Sdn Bhd)	Pembelian peralatan komputer dan khidmat runding IT	5,718	8,582
MCM Systems Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Infotech Project Sdn Bhd)	Pembelian peralatan komputer dan khidmat runding IT	1,113	2,037
Bluestar Infotech (M) Sdn Bhd	Pembelian peralatan komputer dan khidmat runding IT	679	1,496
Cyber Village Sdn Bhd	Pembelian peralatan komputer dan khidmat runding IT	-	53
Melawangi Sdn Bhd	Pembelian empat (4) unit premis pejabat bertempat di Pusat Perniagaan AMCORP	7,239	-
Modular Corp Sdn Bhd	Menyediakan 262,500 EMV penggantian kad	2,992	-
Modular Corp Sdn Bhd	Menyediakan EMV cip kad persendirian dan perkhidmatan	656	-
Taifab Properties Sdn Bhd	Pembelian tiga (3) premis pejabat pegangan bebas bertempat di Pusat Perniagaan Arab-Malaysian (AMBC)	1,998	-
Medan Delima Sdn Bhd	Pembelian tujuh (7) premis pejabat pegangan bebas bertempat di AMBC	2,477	-

Urus niaga bukan perbankan penting Kumpulan dengan sebuah syarikat di mana Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Bin Hj Baba dianggap mempunyai kepentingan besar, adalah seperti berikut:

Syarikat	Jenis-jenis transaksi	2004 RM'000	2003 RM'000
Perbelanjaan			
Computer Systems Advisers (M) Sdn Bhd	Penyelenggaraan komputer	2,529	1,991
Perbelanjaan modal			
Computer Systems Advisers (M) Sdn Bhd	Pembelian peralatan komputer dan khidmat runding IT	3,266	1,083

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

Urus niaga bukan perbankan penting Kumpulan dengan sebuah syarikat di mana En Cheah Tek Kuang dianggap mempunyai kepentingan besar, adalah seperti berikut:

Syarikat	Jenis-jenis transaksi	2004 RM'000	2003 RM'000
Financial Park (L) Sdn Bhd	Sewa bangunan	174	239

Urus niaga di atas telah dibuat dalam keadaan perniagaan biasa dan disediakan pada terma dan keadaan yang tidak berbeza besar daripada yang disediakan bagi pihak ketiga yang tidak berkaitan.

Pada 31 Mac 2004 and 2003, there are no outstanding balances arising daripada Pengarah related transactions.

(c) **Skim Opsyen Saham Pekerja**

	2004 '000	2003 '000
Bilangan saham Cheah Tek Kuang	-	140

Opsyen saham pekerja telah diberi kepada para pengarah pada terma dan keadaan yang sama dengan pekerja-pekerja lain Syarikat seperti dinyatakan dalam Nota 29.



Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

38. Ganjaran Para Pengarah

Bentuk ganjaran terkumpul bagi semua para pengarah Syarikat dicaj ke penyata pendapatan bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Para pengarah eksekutif				
Yuran	152	-	120	-
Gaji	1,800	1,800	840	840
Lain-lain ganjaran	1,158	347	786	135
Bayaran gratuiti	250	250	250	250
Manfaat	4	-	9	5
	3,364	2,397	2,005	1,230
Bukan para pengarah eksekutif				
Yuran	698	275	655	243
Gaji	660	-	587	-
Lain-lain ganjaran	857	104	450	58
Bonus	505	-	85	-
Bayaran gratuiti	300	-	-	-
Manfaat	100	-	158	-
	3,120	379	1,935	301
Jumlah ganjaran para pengarah	6,484	2,776	3,940	1,531
Jumlah ganjaran para pengarah tidak termasuk manfaat	6,380	2,776	3,773	1,526

* Yuran para pengarah untuk para pengarah yang menjawat sebagai eksekutif syarikat dalam Kumpulan, telah dibayar kepada syarikat mereka masing-masing.

Bilangan para pengarah Syarikat yang mana jumlah ganjaran mereka bagi tahun kewangan berada dalam lingkungan pendedahan yang dikehendaki adalah seperti berikut:

Kumpulan	2004	2003
Para pengarah eksekutif		
RM2,000,001 – RM2,050,000	-	1
RM3,250,001 – RM3,400,000	1	-
Para pengarah bukan eksekutif		
Di bawah RM50,000	3	2
RM50,001 – RM100,000	1	2
RM100,001 – RM150,000	1	-
RM150,001 – RM200,000	1	2
RM200,001 – RM250,000	1	-
RM350,001 – RM400,000	1	1
RM1,000,001 – RM1,050,000	-	1
RM1,950,001 – RM2,000,000	1	-

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

39. Pencukaian

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Anggaran cukai semasa akan dibayar dalam Malaysia	80,639	21,000	80,825	20,766
Bahagian cukai syarikat bersekutu diperbadankan di luar Malaysia	53	-	6	-
Pindahan ke aset cukai tertunda (Nota 40)	(136,057)	-	(8,154)	-
Pindahan (ke)/daripada tanggungan pencukaian tertunda (Nota 40)	(1,334)	-	1,636	-
	(56,699)	21,000	74,313	20,766
Kekurangan/(Lebihan) peruntukan pencukaian semasa bagi tahun-tahun sebelum	16,858	-	(60,862)	(2,800)
	(39,841)	21,000	13,451	17,966

Pada 31 Mac 2004, Kumpulan dan Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan dari pencukaian hasil daripada pengecualian cukai atas pendapatan bercukai yang diperolehi dalam tahun 1999 masing-masing berjumlah lebih kurang RM72,000,000 (2003 - RM72,000,000) dan RM29,000,000 (2003 - RM29,000,000), di mana jika disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, akan membolehkan Kumpulan dan Syarikat mengagihkan dividen dikecualikan pencukaian sehingga jumlah yang sama.

Pelarasan antara perbelanjaan cukai pendapatan bagi keuntungan sebelum pencukaian pada kadar cukai berkanun dan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum pencukaian	358,424	63,747	402,055	70,020
Pencukaian pada kadar berkanun Malaysia pada 28% (28% pada 31 Mac 2003)	128,838	17,849	142,067	19,606
Kesan perbezaan kadar cukai di Labuan	(4,619)	-	3,199	-
Perbelanjaan faedah ke atas ICULS termasuk dalam penyata perubahan ekuiti yang boleh ditolak bagi tujuan pencukaian	(2,021)	-	(3,477)	-
Pendapatan tidak dicukai	(8,019)	-	(20,568)	-
Cukai ke atas pendapatan dividen tidak dinyatakan semula	-	-	252	-
Perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan pencukaian	36,577	3,151	67,227	1,160
Aset cukai tertunda tidak di ambilkira dalam tahun sebelum	(207,455)	-	(114,387)	-
(Kredit)/perbelanjaan cukai bagi tahun	(56,699)	21,000	74,313	20,766

Nota-nota Penyata Kewangan *(Sambungan)*

40. Pencukaaian Tertunda

Pencukaaian tertunda, berkaitan dengan syarikat-syarikat subsidiari, adalah seperti berikut:

(a) Aset cukai tertunda

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Baki pada awal tahun		
- Dinyatakan sebelum ini	(674,649)	(836,897)
- Pelarasan tahun lepas (Nota 53)	(162,848)	(160,100)
Seperti yang dinyatakan	(837,497)	(996,997)
Pindahan daripada penyata pendapatan (Nota 39)	(136,057)	(8,154)
Jumlah dibalikkan berhubung dengan perbezaan sementara timbul daripada faedah tergantung ke atas pinjaman tidak bergerak	-	167,654
Baki pada akhir tahun	(973,554)	(837,497)
Pencukaaian tertunda kredit/(debit) adalah untuk perkara-perkara berikut:		
Kerugian cukai tidak digunakan	(448,328)	(588,478)
Perbezaan sementara timbul daripada peruntukan am untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(166,271)	(162,848)
Peruntukan penyusutan nilai pelaburan	(156,517)	(49,440)
Perbezaan sementara hasil daripada peruntukan penyusutan nilai bagi amaun boleh didapati kembali daripada Danaharta	(117,338)	(97,421)
Perbezaan sementara timbul daripada peruntukan tertentu untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(72,800)	(14,000)
Peruntukan modal tidak serap	(34,528)	-
Perbezaan sementara pajakan	(18,837)	20,693
Perbezaan sementara timbul daripada rizab persamaan keuntungan	(15,207)	-
Perbezaan sementara timbul daripada faedah/pendapatan tergantung ke atas pinjaman tidak bergerak	(7,452)	(7,452)
Perbezaan sementara timbul daripada peruntukan penyusutan nilai pelaburan untuk harta-harta dirampas	(2,930)	(1,680)
Perbezaan sementara di antara susut nilai dan elaun cukai harta dan kelengkapan	22,069	37,945
Lain-lain	44,585	25,184
	(973,554)	(837,497)

(b) Tanggungan cukai tertunda

Baki pada awal tahun	1,639	-
Pindahan (daripada)/ke penyata pendapatan (Nota 39)	(1,334)	1,636
Baki pada akhir tahun	305	1,636

Tanggungan cukai tertunda Kumpulan adalah berkaitan dengan perbezaan sementara di antara susut nilai dan elaun cukai harta dan kelengkapan.

Seperti dinyatakan dalam Nota 3, kesan perbezaan sementara dan kerugian cukai tidak digunakan yang menghasilkan aset cukai tertunda, adalah diiktiraf hanya apabila syarikat-syarikat subsidiari berkenaan dapat menghasilkan keuntungan bercukai yang mencukupi di masa hadapan di mana perbezaan sementara dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan. Pada 31 Mac 2004, amaun anggaran aset cukai tertunda Kumpulan, berkaitan dengan kerugian cukai tidak digunakan dan elaun modal tidak digunakan, dikira pada kadar pencukaaian yang bersesuaian di mana tidak diiktiraf dalam penyata kewangan berjumlah RM120,000,000 (2003-RM308,000,000).

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

41. Dividen

Dividen dibayar dan dicadangkan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

	RM'000
2004	
Dividen dicadangkan – 4.0%, ditolak cukai 28.0%, bagi 1,858,806,070 saham-saham biasa RM1.00 setiap satu	53,534
2003	
Dividen dicadangkan – 5.0%, ditolak cukai 28.0%, bagi 1,001,718,987 saham-saham biasa RM1.00 setiap satu	36,062

Cadangan dividen pertama dan terakhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 sebanyak 4.0%, ditolak cukai sebanyak 28.0%, berjumlah RM53,533,523 berdasarkan modal saham diterbitkan dan dibayar penuh yang lebih besar selepas Terbitan Bonus pada 31 Mac 2004, akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Daftar Ahli-ahli dan Rekod Pelabur-pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh Para Pengarah. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mencerminkan cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira dalam dana pemegang saham sebagai pengalihan keuntungan tidak diagihkan di dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

42. Pendapatan Sesaham (sen)

(a) Pendapatan sesaham asas

Pendapatan sesaham asas dikira dengan membahagikan keuntungan bersih tolak faedah ICULS bagi tahun kewangan bagi para pemegang saham Syarikat dengan purata wajaran bilangan saham-saham biasa dalam terbitan sepanjang tahun kewangan.

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000/ '000	Syarikat RM'000/ '000	Kumpulan RM'000/ '000	Syarikat RM'000/ '000
Keuntungan bersih bagi para pemegang saham Syarikat	223,721	42,747	263,156	52,054
Tolak: Faedah ICULS	-	-	5,550	3,288
Keuntungan bersih tolak faedah ICULS bagi para pemegang saham Syarikat	223,721	42,747	257,606	48,766
Bilangan saham-saham biasa pada awal tahun	1,001,719	1,001,719	916,969	916,969
Terbitan saham biasa akibat dari:				
- Pelaksanaan ESOS	10,432	10,432	8,975	8,975
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	1,366	1,366	-	-
- Terbitan bonus	505,762	505,762	491,165*	491,165*
- Terbitan hak	78,982	78,982	-	-
- Pengubahan ICULS	-	-	35,681	35,681
- Pemerolehan AmBank	-	-	20,706	20,706
Purata wajaran bilangan saham-saham biasa dalam terbitan	1,598,261	1,598,261	1,473,496	1,473,496
Pendapatan sesaham asas (Sen)	14.0	2.7	17.5	3.3

* Diselaraskan bagi perubahan berkadar dalam jumlah saham biasa menurut Terbitan Bonus dalam tahun kewangan.



Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

(b) Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham

Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham dikira dengan membahagikan keuntungan diselaraskan selepas pencukaian, faedah ICULS dan kepentingan minoriti bagi tahun kewangan dengan jumlah bagi wajaran bilangan saham-saham biasa diselaraskan dalam terbitan dan boleh diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

Syarikat mempunyai empat kategori potensi kecairan saham-saham biasa:

- i) Skim Opsyen Saham Pekerja;
- ii) 7.5% Stok Pinjaman Tidak Boleh Ditebus, Boleh Diubah dan Tidak Bercagar 1997/2002;
- iii) Waran 1997/2007; dan
- iv) Waran 2003/2008

Asas bagi bilangan maksima saham-saham biasa bernilai RM1.00 sesaham akan diterbitkan pada pengubahan ICULS 1997/2002, pelaksanaan waran 1997/2007 dan 2003/2008, tarikh terakhir dan harga untuk pengubahan dan pelaksanaan masing-masing tercatat dalam Nota 26 ke 28.

	2004		2003	
	Kumpulan RM'000/ '000	Syarikat RM'000/ '000	Kumpulan RM'000/ '000	Syarikat RM'000/ '000
Keuntungan bersih tolak faedah ICULS hak para pemegang saham	223,721	42,747	257,606	48,766
Purata wajaran bilangan saham-saham biasa dalam terbitan (seperti (a) di atas)	1,598,261	1,598,261	1,473,496	1,473,496
Diselaraskan bagi:				
- ESOS	7,624	7,624	592	592
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	92,509	92,509	-	-
- Terbitan bonus	-	-	296*	296*
Purata wajaran bilangan saham-saham biasa diterbit dan boleh diterbitkan, diselaraskan	1,698,394	1,698,394	1,474,384	1,474,384
Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham (Sen)	13.2	2.5	17.5	3.3

* Diselaraskan bagi perubahan berkadar dalam jumlah saham biasa menurut Terbitan Bonus dalam tahun kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, waran saham 1997/2007 tertunggak manakala bagi 31 Mac 2003, waran saham 1997/2007 dan 2003/2008 tertunggak telah dikeluarkan daripada pengiraan pendapatan tercair sepenuhnya bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 bagi Kumpulan, disebabkan pelaksanaan dan pengubahannya akan mengakibatkan kenaikan pendapatan bagi setiap saham.

Purata wajaran bilangan saham-saham biasa diterbit dan boleh diterbitkan diselaraskan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 adalah berdasarkan anggapan bahawa kecairan opsyen saham dan waran saham 2003/2008 dilaksanakan pada awal tahun.

Purata wajaran bilangan saham-saham biasa diterbit dan boleh diterbitkan diselaraskan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 adalah berdasarkan anggapan bahawa kecairan opsyen saham dilaksanakan pada awal tahun.

Nota-nota Penyata Kewangan (Sambungan)

43. Tugas Fidusiari Berhubung Dengan Khidmat Pengurusan Portfolio Pelaburan Dan Khidmat Amanah

Dana-dana portfolio pelaburan diuruskan bagi pihak pelanggan oleh Kumpulan pada 31 Mac 2004 berjumlah RM5,332,660,000 (2003 – RM4,534,906,000).

Aset dipegang di bawah amanah bagi pihak pelanggan oleh syarikat subsidiari khidmat amanah, AmTrustee Berhad, pada 31 Mac 2004 berjumlah RM7,117,549,000 (2003 – RM3,819,702,000).

44. Penglibatan Modal

Penglibatan modal, semuanya berkaitan dengan syarikat-syarikat subsidiari, pada 31 Mac 2004 adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Dibenarkan dan dikontrakkan tetapi belum diperuntukkan:		
Pembelian peralatan pejabat, peralatan teknologi maklumat dan penyelesaiannya	62,225	61,277
Pembelian pembaikan pegangan pajak	6,805	1,786
